


Jilid III  
Bil. 4



Hari Jumaat  
25hb Mac, 1977

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 389]

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong [Ruangan 425]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**
- .. **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- .. **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).**
- .. **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**
- .. **Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).**
- .. **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**
- .. **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- .. **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,  
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,  
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK  
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI  
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING  
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

- Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 25hb Mac, 1977**

---

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PERKHIDMATAN PERGIGIAN DI  
SEKOLAH-SEKOLAH**

**1. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa hanya sekolah-sekolah di kawasan bandar sahaja menerima khidmat pergigian dan langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk meluaskan perkhidmatan ini kepada semua sekolah termasuk sekolah-sekolah di kawasan-kawasan pendalaman di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, memandangkan kekurangan perkhidmatan pergigian swasta di kawasan-kawasan luar bandar.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, tidaklah benar bahawa hanya sekolah-sekolah di sekitar bandar sahaja yang menerima perkhidmatan pergigian. Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar juga menerima perkhidmatan pergigian. Di antara sekolah-sekolah itu, ada yang menerima rawatan dari Pusat-pusat Kesihatan Besar dan Pusat-pusat Kesihatan Kecil; yang lain-lain lagi dilawati oleh Klinik-klinik Pergigian Bergerak; ada pula yang menerima rawatan daripada Pegawai-pegawai Pergigian yang melawat ke sekolah-sekolah, dan bagi sekolah-sekolah yang terletak jauh daripada jalan-jalan raya pula, rawatan pergigian diberi oleh Pasukan-pasukan Pergigian Bergerak.

Untuk memperhebatkan lagi perkhidmatan Pergigian Luarbandar dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Kesihatan telahpun mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan 22 Pasukan Pergigian Bergerak dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada kanak-kanak di kawasan-kawasan luarbandar yang terpencil. Untuk memudahkan pergerakan Pasukan-pasukan Pergigian Bergerak ini, tiap-tiap pasukan diberi sebuah Land Rover untuk membawa pasukan pergigian tersebut. Seperti yang telah dicatat dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga, pasukan-pasukan pergigian ini akan memberi rawatan kepada 200,000 orang kanak-kanak daripada 923 buah Sekolah-sekolah Rendah dan 31 buah Sekolah-sekolah Menengah di kawasan-kawasan luarbandar di Semenanjung Malaysia.

**PERJANJIAN BEKALAN GULA  
DENGAN AUSTRALIA**

**2. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Samada Kerajaan Malaysia berhasrat untuk merunding semula Perjanjian Bekalan Gula dengan Kerajaan Australia dengan tujuan menurunkan harga gula bagi pengguna-pengguna Malaysia; dan
- (b) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan Malaysia mencukupi Keperluan gula.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia memang telah mengadakan perundingan semula Perjanjian Bekalan Gula dengan pembekal Australia dari 2hb hingga 24hb

Disember, 1976 yang lalu di Kuala Lumpur. Hasil dari rundingan-rundingan tersebut telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan. Memandangkan kepada kedudukan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidaklah dapat mengkaji semula paras harga kepada pengguna-pengguna di Malaysia sehingga kedudukan Perjanjian Bekalan Gula dengan Australia dapat diselesaikan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keperluan gula di seluruh Malaysia dalam tahun 1977 adalah dianggarkan sebanyak \$370,000 tan metrik dan sebahagian besar dari keperluan ini adalah diimport dari luar negeri. Pada masa ini jumlah pengeluaran gula daripada kilang-kilang tempatan telah meningkat dari 47,226 tan metrik dalam tahun 1975 kepada 66,606 tan metrik dalam tahun 1976. Bagi tahun 1977, mengikut jumlah luas kawasan tebu yang ditanam, jumlah pengeluaran tempatan adalah dijangka akan bertambah kepada 90,000 tan metrik iaitu merupakan perkembangan purata sebanyak 45% setahun jika dibandingkan dengan tahun 1975 dan ini adalah 24% daripada keperluan tempatan.

Samada Kerajaan akan mengambil langkah untuk menambah pengeluaran gula dalam negeri dengan tujuan mencapai "self-sufficiency" sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah masih lagi awal (perkara itu dalam kajian) dan satu pasukan petugas telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji perkara tersebut.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada Kementerian bercadang untuk memasukkan satu "Fluctuation Clause" di dalam apa-apa perjanjian bekalan gula yang akan ditandatangani pada satu masa kelak yang bertujuan untuk melindungi pengguna-pengguna di negara kita.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin

"Escalation Clause" bukan "Fluctuation Clause". Di dalam sesuatu surat perjanjian itu pihak yang menjual kepada kita adalah menetapkan supaya ada peruntukan di dalam perjanjian itu di mana harga gula mentah yang dijual itu berlandaskan kepada satu-satu faktor yang bergantung kepada Escalation Clause. Jadi, sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, dalam mana-mana perjanjian yang kita buat khususnya yang berkenaan dengan gula ini kita akan mengawasi bahawa Clause macam ini ataupun clause lain adalah tidak membebaskan kita.

### CUKAI JUDI

**3. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Kewangan menerangkan jumlah cukai judian yang tidak dibayar atau yang dapat diselewengkan di Casino Genting Highland, sebagaimana pengakuan yang dibuat oleh Pegawai Perbendaharaan di dalam *Malay Mail* 19-1-1977 iaitu jumlah ini adalah "several thousands of dollars a day". Adakah beliau sedar bahawa di dalam satu jawapan yang diberi oleh Kementerian Kewangan atas soalan berkenaan cukai judi di Genting Highland pada Parlimen yang lampau, beliau telah menafikan adanya penyelewengan besar-besaran ini dan jua menerangkan cara-cara kawalan untuk mencegah pakatan jahat tersebut; dari itu mengapa masih jua berterusan, bahkan lebih berkembang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mungkin untuk menentukan jumlah cukai judian yang telah tidak dibayar. Rekod-rekod yang disimpan hanyalah mengenai jumlah cukai yang telah dibayar. Casino Genting Highlands tidak mungkin menyelewengkan sebarang cukai perjudian seperti yang didakwa oleh kerana ia memungut cukai tersebut bagi pihak Kerajaan dan kemudian menyerahkan cukai itu kepada Perbendaharaan. Tidak ada seorang pun Pegawai Perbendaharaan yang membuat kenyataan tersebut di dalam akhbar *Malay Mail* atau di mana-mana pada 19hb Januari, 1977. Sekiranya Ahli Yang Berhormat menyemak semula berita akhbar itu beliau akan mendapati bahawa kenyataan di akhbar tersebut adalah dari punca-punca pihak Casino dan bukan dari Pegawai Perbendaharaan.

Saya telah juga menyemak jawapan kepada soalan mulut yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu pada 6hb Julai, tahun yang lalu dan saya mendapati tidak ada pengesahan dari tuduhan tersebut bahawa Menteri Kewangan menafikan kenyataan bahawa sejumlah besar cukai telah diselewengkan malahan tidak ada pengakuan mengenai hal itu. Sebaliknya, langkah-langkah kawalan telah disebutkan, langkah-langkah itu masih dikuatkuasakan sehingga sekarang. 3 orang Pegawai-pegawai Perbendaharaan yang ditempatkan di Casino Genting Highlands akan seberapa yang boleh memastikan tidak akan berlaku kehilangan cukai perjudian itu.

Tidaklah jelas apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai soalan ini tetapi adalah dianggap bahawa beliau merujuk kepada penjualan chip secara haram. Anasir-anasir yang tidak dingini ini di Casino itu adalah terkawal oleh kerana adalah kerjasama dari pihak Casino. Walau bagaimanapun, kedudukan ini sedang dikaji dan sekiranya perlu di masa-masa akan datang Pegawai Perbendaharaan akan ditambah bilangannya. Sementara itu langkah sedang diambil oleh Perbendaharaan untuk memastikan terhalangnya penjualan chip haram ini dengan meminda sistem pungutan cukai ini.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar langkah mengutip cukai sekarang di Casino Genting Highlands tidak memuaskan di mana pihak Genting Highlands tidak bayar resit kepada orang-orang yang bermain judi diberi chips. Ini adalah satu lubang di mana cukai boleh ditipu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat perkara ini.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat itu tidak hadir ke Dewan yang mulia ini pada 6hb Julai tahun yang lalu apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi penjelasan tentang cara pungutan cukai perjudian itu.

Dan saya ingin mengulangkan untuk faedah beliau. Cukai perjudian di Casino Genting Highlands yang dikenakan ke atas jualan chips ialah sebanyak 5% yang dibayar oleh pemain-pemain sewaktu membeli chips dari anggota Casino Genting Highlands. Wang bagi pembelian chips bersama bayaran

cukai dimasukkan terus oleh pemain-pemain dalam peti-peti bermetri yang diawasi sepanjang masa oleh Pegawai Perbendaharaan. Pengiraan kutipan-kutipan ini juga disaksikan sepenuhnya oleh wakil Perbendaharaan dan rekod-rekod kutipan disampaikan kepada Perbendaharaan. Kutipan-kutipan dari jualan chips itu diadakan di hadapan wakil Perbendaharaan juga.

Dengan itulah saya percaya cara yang digunakan pada tahun lalu dan sekarang juga adalah memuaskan bahkan kita dari Perbendaharaan pun tidak ada menerima apa-apa aduan pun daripada Casino.

#### PERISTIHHARAN KUALA LUMPUR

**4. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri menyebarkan dan memahamkan "Konsep Kawasan Aman di Asia Tenggara" mengikut peristiharan Kuala Lumpur kerana setakat hari ini masih banyak negara-negara yang bersikap negatif walaupun tidak menentang. Saya rasa ragu-ragu kebolehan Kedutaan Malaysia, kerana Y.A.B. Perdana Menteri sendiri terpaksa keluar negeri untuk memahami Konsep ini kepada negara-negara luar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali ialah satu konsep yang baharu dan amat penting bagi negara kita, dan lain-lain negara serantau. Oleh sebab itu perlulah bagi semua negara mengkajinya dengan teliti terlebih dahulu lebih-lebih lagi selepas berakhirnya peperangan di Vietnam.

Konsep kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali seperti yang kita majukan telahpun diterima oleh persidangan Perdana-perdana Menteri Komonwealth di Ottawa dalam tahun 1973 dan di Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Algiers dalam 1973 juga. Di Bangsa-bangsa Bersatu juga kita telah menjelaskan beberapa kali tentang prinsip-prinsip konsep ini. Jadi bolehlah dikatakan semua negara-negara di dunia ini telah mengetahui dan memahami tentang konsep tersebut.

Walaupun bagaimanapun, masih ada negara-negara yang belum memberikan sokongannya bahkan ada pula yang telah menolaknya oleh

sebab-sebab tertentu seperti keadaan politik di dalam negeri-negeri mereka sendiri dan bukannya disebabkan mereka tidak memahami konsep tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatan-lawatannya keluar negeri selalu berbincang dengan Ketua-ketua Negara asing berkenaan dengan konsep ini. Ini adalah menunjukkan betapa pentingnya konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali bagi kita dalam melaksanakan dasar luar negeri kita. Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa adanya negara-negara yang belum lagi menerima konsep ini berpunca dari kegagalan perwakilan-perwakilan kita di seberang laut untuk menerangkan dengan lebih mendalam dan berkesan lagi Konsep Kawasan Aman ini. Sebaliknya saya suka mengulangi apa yang saya sering jelaskan iaitu banyak negara-negara telahpun memberi sikap yang positif kepada konsep ini.

## LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

**5. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah perusahaan kecil yang telah dilaksanakan di kawasan pertanian di bawah bidangkuasa Lembaga Pertubuhan Peladang dan adakah beliau berpuashati dengan perusahaan yang ada, jika tidak, apakah tindakan yang diambil.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang jumlahnya ialah 600. Setakat ini saya berpuashati dengan perusahaan yang ada dan saya akan mengkaji untuk menambahkan lagi perusahaan ini, jika didapati perlu.

## PETRONAS—PERUSAHAAN PETROLIAM

**6. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan yakin bahawa perusahaan yang berasaskan petroliam dari pantai negeri Trengganu akan dijalankan di negeri itu dan apakah perkembangan selanjutnya.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, soal seperti ini telah dikemukakan juga pada hari Selasa yang lepas. Oleh kerana masa tidak mengizinkan maka soalan itu tidaklah dapat saya menjawabnya secara lisan.

Bagi menjawab soalan di hadapan kita ini, perusahaan-perusahaan penapis minyak (refinery), petrokimia dan baja urea adalah satu-satunya perusahaan yang memakan belanja yang besar. Oleh itu, sebelum perusahaan-perusahaan itu dijalankan, satu kajian yang teliti hendaklah diadakan. Kajian itu akan meneliti tentang beberapa faktor yang mustahak seperti soal adanya bahan-bahan mentah yang mencukupi, keadaan pasaran bagi keluaran perusahaan-perusahaan itu dan faktor-faktor teknikal dan ekonomi. Samada patut atau tidak sesuatu perusahaan yang tersebut diadakan dan di mana adalah bergantung kepada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi.

Bagi maksud menjalankan kajian itu, PETRONAS telahpun melantik sebuah firma pakar dari Jepun iaitu C. Itoh untuk mengadakan satu Pelan Induk. Pelan Induk ini, di antara lain, akan membuat pengesyoran-pengesyoran tentang perusahaan petroliam yang patut diadakan di seluruh negara kita. Pelan Induk ini adalah dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebelumnya Pelan Induk ini siap disediakan, tidak dapatlah saya mengatakan dengan tepat atau muktamadnya samada perusahaan-perusahaan yang berasaskan petroliam dari pantai Negeri Trengganu akan dijalankan di Negeri itu. Dalam perkara yang bersangkutan dengan petroliam, saya sukalah mengulangi lagi jaminan Kerajaan Pusat bahawa kepentingan dan faedah Negeri Trengganu akan dijaga dan dipelihara.

PETRONAS telahpun menetapkan bahawa satu pusat penyelidikan petroliam (petroleum research centre) akan diadakan di Negeri Trengganu. Kerajaan Negeri Trengganu telah bersetuju untuk mengadakan satu kawasan sebagai tapak pusat penyelidikan ini.

## JAWATANKUASA MENGENAI HARGA

**7. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Adakah beliau akan menubuhkan sebuah Jabatan Kawalan Harga di bawah Kementerian beliau supaya pengeluaran-pengeluaran, pembahagi-pembahagi, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit akan diarah merujuk kepada Jabatan ini sebelum mereka boleh menaikkan harga barang-barang mereka bagi menghalang mereka menaikkan harga barang-barang mereka dengan

mengejut tanpa sebab yang munasabah dan mereka yang gagal berbuat demikian lesen-lesen mereka patut dibatalkan; dan

- (b) Apakah tindakan yang Kementerian beliau telah ambil memandangkan kenaikan harga yang tidak adil ke atas harga gas masak, minyak masak, Milo dan Nescafe.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan sebuah Jabatan Kawalan Harga di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi membolehkan ataupun supaya pengeluaran-pengeluaran, pembahagi-pembahagi, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit akan diarah merujuk kepada Jabatan tersebut sebelum mereka boleh menaikkan harga, cadangan itu pada pendapat saya tidak perlu dilaksanakan oleh kerana buat masa ini kita ada badan-badan di peringkat Kementerian yang bukan sahaja boleh menjalankan tugas sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat, malahan badan-badan ini juga diberi tanggungjawab mengawasi satu-satu permohonan untuk menaikkan barang-barang sebelum kelulusan diberi bagi barang-barang terutamanya barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang yang dianggap penting sebelum barang-barang ini dinaikkan harganya.

Tentang soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, sudah saya jawab dan memberi penjelasan kepada pertanyaan yang sama yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Lumpur Bandar bertarikh 22hb Mac, 1977 yang lepas.

### PEKERJA DI LADANG-LADANG

**8. Tuan Jaafar bin Hamzah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh kaum pekerja di ladang-ladang untuk menjamin masa depan mereka supaya hidup mereka terjamin terutama sekali tentang kedudukan gaji dan juga masalah perumahan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, kadar pendapatan

pekerja-pekerja ladang dan keadaan perumahan yang disediakan secara am adalah memuaskan. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa serta mengambil tindakan untuk memperbaiki lagi kedudukan ini. Tiap-tiap tahun kita melihat beratus-ratus rumah sedang dibina dalam ladang-ladang dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk mengganti rumah-rumah yang tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat mengetahui masalah yang dihadapi di ladang-ladang yang tertentu, saya harap beliau dapat berhubung dengan Kementerian saya supaya perkara tersebut dapat disiasat.

### PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

**9. Tuan Mohd. Bakri bin Rais** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Samada beliau sedar bahawa langkah Kementerian memaksa murid-murid sekolah menukar-nukarkan warna pakaian sekolah (seperti tahun ini) adalah menyusahkan ibubapa terutama yang berpendapatan rendah dan penduduk kampung; dan
- (b) Samada beliau boleh memberi jaminan bahawa pakaian seragam sekolah hendaklah ditetapkan satu warna sahaja untuk selama-lamanya jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Saya tidak sedar penukaran pakaian seragam menyusahkan ibubapa kerana penukaran ini tidak dibuat sekali gus dan dengan serta merta tetapi cuma dibuat apabila pakaian lama sudah tidak boleh dipakai samada kerana terlalu buruk atau terlalu kecil. Apabila pakaian seragam lama tidak boleh dipakai dan ibubapa terpaksa mengadakan pakaian baru apakah yang menyusahkan kalau pakaian baru itu dibuat dari kain yang lain warnanya.

Warna pakaian baru itu dipilih kerana tidak mudah kotor dan juga sesuai dengan murid-murid yang memasuki sekolah Menengah Vokesyenal dan Teknik. Pakaian lama menyusahkan ibubapa kerana mudah kotor. Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran tidak dapat jamin pakaian seragam tidak akan ditukar selama-lamanya kerana beliau tidak akan menjadi Menteri Pelajaran selama-lamanya.

### KES-KES MALARIA DI RESIDENSI PENDALAMAN

**10. Tuan S. Robert Evans** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) Samada beliau sedar kes-kes Malaria yang positif di kawasan Residensi Pendalaman, terutama sekali di daerah Pensiangan dan Keningau masih lagi bertambah, seperti berikut—

1975

<i>Jan.</i>	<i>Feb.</i>	<i>Mac.</i>	<i>Apr.</i>	<i>Mei</i>	<i>Jun</i>	<i>Jul.</i>	<i>Ogos</i>	<i>Sept.</i>	<i>Okt.</i>	<i>Nov.</i>	<i>Dis.</i>
250	229	182	363	348	368	354	351	477	674	557	496
Jumlah = 4,067 (Kes-kes Malaria positif)											

1976

<i>Jan.</i>	<i>Feb.</i>	<i>Mac.</i>	<i>Apr.</i>	<i>Mei</i>	<i>Jun</i>	<i>Jul.</i>	<i>Ogos</i>	<i>Sept.</i>	<i>Okt.</i>	<i>Nov.</i>	<i>Dis.</i>
582	456	575	516	381	316	446	335	248	391	333	438
Jumlah = 4,017 (Kes-kes Malaria positif)											

Menurut perangkaan tersebut 950 kes-kes Malaria positif yang telah bertambah dalam tahun 1976; dan

(b) Samada beliau akan bercadang untuk mengadakan mesyuarat dengan Kerajaan Indonesia supaya kedua-dua pihak Kerajaan dapat merancang rancangan membasmi malaria bersama-sama di sempadan Sabah/Indonesia kerana tidak ada pejabat membasmi malaria di kawasan Indonesia, di sempadan pada masa ini. Serangga-serangga yang membawa penyakit-penyakit malaria kebanyakannya datang dari Kalimantan Selatan, Kawasan Indonesia (Sempadan Sabah/Indonesia).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empling):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa kes-kes malaria bertambah pada penggal pertama tahun 1976 tetapi berkurangan pada penggal kedua tahun tersebut. Jumlah kes malaria yang dikesan dalam tahun 1975 dan tahun 1976 adalah diringkaskan seperti berikut:

<i>Tahun</i>		<i>Jan-Jun</i>		<i>Julai-Disember</i>		<i>Jumlah</i>
1975	...	1,941	...	3,402	...	5,343
1976	...	3,000	...	2,307	...	5,307

Daripada angka-angka ini adalah jelas bahawa dalam tahun 1976 bilangan kes-kes malaria adalah berkurangan sedikit. Bilangan kes-kes ini hanya meningkat pada separuh masa masa pertama tahun 1976. Ini adalah disebabkan oleh bertambahnya kutipan "slides" berikutan dengan pembukaan 4 kawasan rawatan (treatment posts) di kawasan Pendalaman. Berbanding dengan tahun 1975, kes-kes malaria berkurangan dalam separuh masa kedua tahun 1976.

Saya ingin juga memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di kawasan Pendalaman bantahan oleh penduduk-penduduk terhadap usaha-usaha semburan oleh Jabatan Kawalan Malaria ialah lebih kurang 18%. Di samping itu Jabatan berkenaan menghadapi masalah perhubungan dengan kawasan pendalaman disebabkan oleh keadaannya yang terpencil.

Untuk menjawab soalan (b) mesyuarat ini sebenarnya telah diadakan pada 25hb dan 26hb Februari, 1976 di Jakarta iaitu di antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, Singapura dan Indonesia. Dalam mesyuarat itu negara ini telah memersetujui pos-pos tempatan mengesan kes-kes malaria telah ditambah dan dengan itu pengesanan dan penguatan kes-kes malaria juga telah bertambah. Di samping itu aktiviti-aktiviti semburan ubat serangga di tempat-tempat kediaman juga ditambah dan bilangan micro-phase telah ditambah dan juga kajian-kajian telah dijalankan tidak mengesahkan perkara ini tetapi Sabah sendiri ada mempunyai serangga yang boleh membawa penyakit malaria.

## LESEN PERKAPALAN BAGI KAPAL-KAPAL

**11. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa banyak kapal yang menjalankan perniagaan sepanjang pantai Malaysia tidak didaftarkan di Malaysia, jika ya, apakah tindakan akan diambil terhadap pengusaha kapal-kapal ini;
- (b) adakah dengan tindakan Kerajaan seperti (a) di atas ini akan menyusahkan pengangkutan perjalanan laut di negara kita, atau Kerajaan hendak membiarkan kapal-kapal yang berdaftar di luar negeri kita ini berpanjangan memonopoli pengangkutan laut negara kita dan adakah Kerajaan bersedia untuk menjamin bahawa pengangkutan laut tidak terancam sekiranya Kerajaan menjalankan dasarnya.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa banyak kapal-kapal yang menjalankan perniagaan di sepanjang pantai Malaysia pada masa ini telah tidak didaftarkan di Malaysia. Ini ialah kerana Undang-undang yang berkuatkuasa pada masa sebelum ini tidak mewajibkan supaya kapal-kapal tersebut didaftarkan di negara ini. Oleh yang demikian, tidak ada tindakan yang akan diambil terhadap penguasa-penguasa kapal ini.
- (b) Sebaliknya, Kerajaan tidak akan membiarkan kapal-kapal yang berdaftar di luar negeri itu berpanjangan memonopoli pengangkutan laut negara ini. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang tegas atas perkara ini. Di dalam Persidangan Parlimen yang lepas, Akta Meminda Peruntukan Undang-undang Perkapalan Saudagar 1952 telah diluluskan, iaitu bagi tujuan supaya pengangkutan laut di antara pelabuhan-pelabuhan di dalam perairan Malaysia dijalankan oleh kapal-kapal Malaysia yang berdaftar di Malaysia sahaja (Domestic Shipping). Kementerian saya sedang mengambil tindakan membentuk satu Lembaga Per-

kapalan bagi tujuan tersebut di atas. Saya percaya dasar baru ini tidak akan mengancam bidang perkapalan dalam negara.

## HARGA GAS MASAK (LIQUEFIED PETROLEUM GAS)

**12. Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar ataupun tidak kenaikan harga gas (liquefied petroleum gas) oleh keempat-empat Syarikat Minyak pada 26-2-77 terlebih dahulu. Mengapa gas tidak dimasukkan ke dalam senarai bahan kawalan.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan ini yang sama dibuat semasa soalan yang sama dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Lumpur Bandar pada 22hb Mac, 1977.

## PERDAGANGAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh kerana Malaysia sebuah negara pengeluar getah asli yang ulong di dunia, begitu juga bijeh timah dan kelapa sawit, dan sebagai negara yang sedang membangun samada Kementerianya akan menghantar Commercial Attaches, Trade Missions, Chambers of Commerce di pusat-pusat perdagangan dunia samada di Eropah, Amerika, Timur Tengah dan Asia untuk mencari market dan apakah yang boleh ditawarkan oleh Malaysia untuk menambah dan membanyakkan kegiatan perdagangan keluar masuk supaya menaikkan lagi eksport dan membanyakkan lagi impot daripada hanya mengimpor jentera-jentera berat yang dari segi pertukaran matawang tidak begitu active, dengan harapan bahawa Malaysia boleh bertanding di pasaran antarabangsa selain dari bergantung hasil buminya yang kukuh. Samada Kementerianya akan menumpukan lebih active lagi di pasaran perdagangan terbuka di samping membanyakkan perhubungan perdagangan dengan negeri-negeri luar. Sekiranya tidak, mengapa.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Malaysia kini mempunyai 22 pejabat Perdagangan yang

terletak di pusat-pusat perdagangan dan perusahaan yang penting di dunia terutamanya di Eropah, Amerika Syarikat, Timur Tengah dan Asia.

Sebagai satu cara untuk menggunakan sepenuhnya peluang-peluang pasaran seberang laut untuk barang-barang Malaysia, Malaysia telah mengambil bahagian di dalam pertunjukan-pertunjukan dan pameran-pameran perdagangan antarabangsa dan mengendalikan bermacam-macam rombongan perdagangan dari masa ke semasa. Dalam jangka masa tahun 1973-1976 Malaysia telah mengambil bahagian di dalam 16 pertunjukan dan pameran perdagangan antarabangsa dan mengelolakan 15 rombongan perdagangan.

Walaupun eksport barang-barang utama kita akan merupakan eksport yang terbesar untuk jangka masa yang agak lama lagi di masa akan datang, perlu diingatkan bahawa bahagian eksport yang disumbangkan oleh barang-barang kilang dan barang-barang separuh kilang semakin meningkat. Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kedua peratusan yang disumbangkan oleh barang-barang kilang dan barang-barang separuh kilang kepada jumlah eksport meningkat daripada 11.4% dalam tahun 1970 kepada 23% dalam tahun 1975.

Langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan eksport kita termasuklah juga mengadakan perjanjian-perjanjian perdagangan dua hala dengan beberapa negara yang difikirkan penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Latip bin Haji Dris.

(Soal No. 14 Y.B. Tuan Latip bin Haji Dris tidak hadir).

### ORDINAN KERJA, 1955

**15. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan peraturan-peraturan jika ada beliau telah membuat di bawah Pindaan tahun 1976 kepada Ordinan Kerja 1955 di mana Fasal 102 (*da*) memberikan beliau kuasa untuk membuat peraturan-peraturan "prescribing entitlement to and payment of retrenchment and retirement benefits" dan jika sebarang peraturan tidak dibuat, nyatakan mengapa kelambatan ini berlaku.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan ini sedang digubal sekarang. Mengikut amalan biasa perkara ini juga akan dibincangkan di dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (NJLAC) untuk mendapat pandangan dan persetujuan kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa peraturan-peraturan ini akan disediakan dan dikuatkuasakan dengan secepat mungkin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini bila penggubalan peraturan-peraturan itu boleh disiapkan untuk dikemukakan kepada NJLAC untuk dibincangkan dan diterima?

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan itu telahpun diterbitkan oleh pegawai-pegawai dan kita harap di dalam beberapa minggu lagi akan dapat dibincangkan di dalam NJLAC.

### KIMIA TOXIC BAGI BAHAN MAKANAN

**16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar makanan-makanan seperti beras, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan dari sebuah negara jiran yang dibawa masuk ke Malaysia kebanyakannya mengandungi racun dan beberapa orang khususnya di Kelantan telah mabuk dan muntah-muntah setelah makan makanan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, banyak macam bahan makanan termasuk beras, buah-buahan, sayur-sayuran dan rokok di bandar-bandar sempadan Kelantan telah dihantar ke Pusat Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur untuk penganalisan bakteria.

Bahan-bahan makanan yang sama juga telah diperiksa tentang kemungkinan mengandungi bahan-bahan kimia toxic.

Kajian-kajian yang telah dibuat tidak menunjukkan yang bahan-bahan tersebut mengandungi bakteria atau toxic kimia.

Saya juga suka menyatakan di sini iaitu tidak ada terdapat bukti para pesakit di Kelantan yang dirawat disyaki terkena

makanan beracun akibat daripada pengimpotan bahan-bahan makanan dari Negara jiran oleh orang perseorangan itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu menerangkan tentang apa yang tersiar dalam akhbar mengenai kejadian di mana mereka yang memasak beras di sana itu telah mengalami sakit perut akibat racun? Apakah itu disedari dan apakah kenyataan itu diambil dan dibuat keterangan selanjutnya bagi menghilangkan keraguan orang ramai?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Khabar angin itu ada diterangkan dalam surat khabar iaitu Berita Harian 26hb Februari, 1977, ada dinyatakan dalam surat khabar ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak jelas tentang jawapan itu, cuma apa yang tersiar. Jadi kepada saya, saya membangkitkan benda yang tersiar. Jadi saya berkehendakkan keterangan ataupun penerangan daripada Kementerian Kesihatan tentang hal ini supaya hilang keraguan orang ramai yang mana dalam masa sebulan lalu banyak benar keraguan sehingga buah-buahan tempatan tidak dibeli oleh pembeli kerana dibimbangkan buah-buahan itu diimpot daripada negara lain. Mereka takut kerana racun dan merekapun tidak beli. Jadi, peniaga buah-buahan pun sudah susah, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin tahu berita itu tersiar dalam akhbar. Bolehkah beliau menerangkan tentang hal itu dan kenapa penjelasan lanjut tidak diberi dalam akhbar kepada rakyat umum?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dimasukkan, kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sila jawab sekali lagi.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Saya minta izin membacanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang nampaknya itu.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Sedikit sahaja. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan potongan akhbar Berita Harian 26hb Februari, 1977.

“Menyentuh lapuran akhbar mengenai beberapa orang yang telah dimasukkan ke Hospital Besar Kota Bharu kerana muntah-muntah dan pening kepala di

antara 16hb Februari, 1977, 10 orang telah dimasukkan ke hospital tersebut manakala 20 orang lagi telah diberi rawatan sebagai pesakit luar . . . . .”

Kata Setiausaha Parlimen masa itu:

“Mereka muntah-muntah dan cirit-cirit bukanlah disebabkan makanan beracun kerana kes-kes seumpama ini memang ada dilaporkan di hospital dari semasa ke semasa. Seseorang itu mungkin terkena muntah-muntah dan cirit-cirit disebabkan makan daging, kuih dan lain-lain tetapi tidak ada kena-mengena dengan khabar-khabar angin yang dinyatakan oleh sakit perut dan muntah-muntah kerana makan buah-buahan.”

#### PEKERJA BINAAN PERUMAHAN

**17. Tuan Alex Pang Sui Chee** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat:

- (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa tidak ada undang-undang yang mengawal pekerja-pekerja pembinaan perumahan yang tinggi daripada terdedah dari bahaya, kiranya ada, tolong sebutkan dan mengapa tidak dijalankan;
- (b) Adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa banyak pekerja kontrak seperti ini telah jatuh dari bangunan-bangunan tinggi sewaktu menjalankan kerjanya tetapi Kerajaan hanya mendiamkan diri dengan tidak ada mengambil apa-apa tindakan yang berkesan kepada kontraktor-kontraktor berkenaan supaya undang-undang bagi menjaga keselamatan bagi pekerja-pekerja ini tidak diabaikan; dan
- (c) Adakah dengan banyaknya pekerja-pekerja kontrak ini mendapat kemalangan, seperti terjatuh dan sebagainya, maka baru Kerajaan bercadang hendak melaksanakan undang-undang itu.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar untuk mengatakan bahawa tidak ada undang-undang untuk mengawal pekerja-pekerja yang bekerja dalam sektor pembinaan.

Seksyen 35 Akta Kilang dan Jentera, 1967 berkehendak orang-orang yang menjalankan kerja-kerja bangunan-bangunan dan binaan-binaan kejuruteraan memberi notis secara bertulis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum kerja-kerja itu dijalankan.

Peraturan-peraturan (Pemagaran Jentera dan Keselamatan) dan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera, 1970 ada mengandungi beberapa peraturan-peraturan yang tertentu yang menyentuh semua kerja-kerja tidak kira di tempat-tempat kerja tertutup seperti kilang-kilang atau tapak-tapak kerja terbuka, seperti kerja-kerja bangunan-bangunan dan binaan-binaan kejuruteraan.

Peruntukan-peruntukan tersebut termasuk keadaan-keadaan keselamatan disediakan kepada pekerja-pekerja yang di bangunan-bangunan tinggi ataupun terdedah kepada benda-benda yang boleh jatuh dengan memakai pakaian-pakaian keledar, memagar jentera-jentera dan peruntukan-peruntukan untuk rangka-rangka binaan, lantai-lantai kerja dan tempat-tempat keluar masuk yang selamat. Sebaliknya penguatkuasaan peraturan-peraturan ini sangatlah rumit dengan sebab ciri-ciri kerja jenis ini yang luar biasa. Umpamanya, sesuatu bangunan dan binaan boleh melibatkan beberapa kontraktor, sub-kontraktor dan sub-sub kontraktor. Mereka pula mengambil pekerja-pekerja yang tidak berorganisasi ada kala dengan cara bayaran gaji hari atau berasaskan kepada kesiapan sesuatu kerja dan juga mengambil banyak pekerja-pekerja sambilan (casual) cuma untuk satu tempoh yang dikehendaki. Cara-cara ini menyebabkan pemindahan-pemindahan pekerja-pekerja atau kumpulan pekerja yang kerap daripada satu kontraktor ke satu kontraktor atau satu tapak kerja ke satu tapak kerja yang lain. Ini menyulitkan lagi untuk menentukan majikan sebenar yang bertanggungjawab untuk seseorang pekerja.

Sejak beberapa tahun dahulu apabila pembinaan bangunan-bangunan tinggi telah berlipat ganda, Kementerian saya telah sedar yang peraturan-peraturan khas semestinya dikuatkuasakan, dan telah mengambil langkah supaya badan-badan yang tertentu menyediakan satu "Code of Practice of Building Operations" supaya dapat dimasukkan ke dalam undang-undang keselamatan yang ada. Peraturan-peraturan khas ini akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Dalam pada itu semenjak tahun 1974 perkara ini telah diberi perhatian yang rapi. Arahan-arahan khas telah diberi kepada kepada pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian dan arahan-arahan jua telah diberi

kepada kontraktor-kontraktor supaya mengambil berat berkaitan dengan keselamatan melalui surat-surat khabar. Penguatkuasaan masih lagi menimbulkan masalah yang besar bukan sahaja oleh sebab-sebab yang telah disebut tadi bahkan juga sebab kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa yang berkelayakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa khas mengandungi boleh kata semua organisasi-organisasi yang terlibat di dalam perusahaan bangunan-bangunan dan binaan-binaan termasuk Persatuan Master Builders untuk meneliti dan memberi cadangan-cadangan supaya menentukan keadaan-keadaan kerja yang selamat di dalam perusahaan ini. Kursus-kursus keselamatan sedang disediakan untuk kontraktor-kontraktor dan akan diadakan tidak lama lagi.

## PEMBINAAN RUMAH-RUMAH KAYU

**18. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar bahawa faktor utama yang menghalang pembinaan rumah-rumah dari bahan kayu, ialah kerana undang-undang perumahan (Building By-Laws) yang berkuatkuasa sekarang tidak sesuai lagi. Jika sedar, apakah beliau bercadang mengemukakan pindaan terhadapnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan Dr Ling Liong Sik:** Tuan di-Pertuan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu saya suka menyatakan bahawa Undang-undang Kecil Bangunan Yang Seragam telahpun diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dalam bulan Oktober 1976 dan pemakaiannya kepada penguasa-penguasa tempatan adalah sekarang terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Undang-undang Kecil Bangunan Yang Seragam ini adalah yang teramat kemaskini dan antara lain-lain mengandungi peruntukan-peruntukan untuk menggunakan dengan seluas-luasnya bahan-bahan kayu dalam pembinaan bangunan. Sebahagian daripada peruntukan-peruntukan yang diadakan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Yang Seragam itu adalah mengikut British Codes of Practice bagi menjamin bahawa bahan-bahan kayu itu adalah yang sesuai dan bertaraf

baik untuk menjamin keselamatan penghuni-penghuni atau orang-orang ramai. Adapun British Codes of Practice yang dipakai ini akan diganti dengan Malaysian Codes of Practice apabila SIRIM dapat mengadakannya.

Undang-undang Kecil yang ada sekarang ini pun tidak menghalang kegunaan bahan-bahan kayu bagi bangunan asalkan ianya mengikut mutu yang ditentukan bagi sesuatu jenis kegunaan binaan itu. Ada beberapa sebab kenapa bahan-bahan kayu tidak digunakan dengan seluas-luasnya pada masa yang lepas, seperti:

- (a) kayu diiktiraf sebagai bertaraf sementara atau separuh kekal;
- (b) kayu sebagai satu bahan untuk pembangunan jikalau tidak diproses dengan cara saintifik biasanya mudah patah atau rosak dan dimakan anai-anai;
- (c) perbelanjaan untuk menyelenggarakan atau memelihara kayu lebih tinggi daripada bahan-bahan simin atau batu;
- (d) kadar insuran api bagi rumah kayu lebih tinggi daripada rumah batu;

Selain daripada itu, Undang-undang Kecil Bangunan Yang Seragam yang baharu ini tidak menghalang bangunan daripada bahan-bahan kayu semata-mata, tetapi oleh kerana kemungkinan berlakunya kebakaran teramat tinggi seperti untuk kegunaan untuk dinding antara satu unit dengan satu unit yang lain atau untuk tiang-tiang bendul dan rumah-rumah kayu hanya boleh dibenarkan di tempat-tempat yang tertentu dan dihadkan kepada rumah sebiji-sebiji dan jaraknya tidak kurang daripada 20 kaki antara satu dengan lain dan bagi rumah deret hanya dibenarkan bagi 10 unit dalam satu blok tertaklok kepada dinding dua pihak antara satu unit dengan unit yang lain itu dikehendaki daripada simin atau konkrit sehingga paras bumbung.

Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 sebuah penguasa perancang tempatan itu bolehlah menentukan mana-mana kawasan yang sesuai bagi rumah-rumah yang diperbuat daripada bahan-bahan kayu sahaja.

Saya rasa undang-undang dan undang-undang kecil yang telah disediakan baru-baru ini amatlah sesuai bagi menjamin keselamatan jiwa dan harta dan juga untuk membolehkan bukan sahaja menggunakan bahan-bahan

kayu untuk bangunan-bangunan bahkan bagi bangunan-bangunan semata-mata daripada bahan kayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan S. Samy Vellu.

(Soalan No. 19 Y.B. Tuan S. Samy Vellu tidak hadir)

## SIKAP KESATUAN SEKERJA/LAPURAN JAWATANKUASA KABINET

**20. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah sikap Kesatuan Sekerja terhadap Kerajaan apabila sahaja Parlimen meluluskan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Tanggagaji.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Kesatuan-kesatuan Sekerja ada menyambut baik dan menerima Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai tanggagaji kakitangan awam yang telah diluluskan oleh Parlimen.

## ORANG-ORANG MELAYU DIPENGARUH KOMINIS

**21. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelamatkan orang-orang Melayu yang dipengaruhi untuk menyertai kegiatan-kegiatan kominis.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, banyak langkah-langkahnya. Satu daripada langkahnya untuk menyelamatkan mereka ini ialah menangkap mereka kemudian simpan dan bersihkan otaknya. Satu daripada langkah-langkah juga yang boleh diambil oleh Kerajaan dan telah diambil dan sedang diambil dengan tegasnya dengan cara menyeru kepada semua badan-badan dan pertubuhan agama, umpamanya, pertubuhan politik, pertubuhan persuratan dan kebudayaan, pertubuhan belia untuk memberi kesedaran kepada ahli-ahlinya menginsafi tentang bahayanya fahaman kominis dan bencana yang akan menimpa agama, bangsa dan negara sekiranya pihak kominis berjaya dalam perjuangannya yang kita tahu adalah dengan cara kekerasan dan cara kejam. Perjuangan menentang kominis

bukanlah hanya tanggungjawab Kerajaan sahaja dan bukanlah hanya tanggungjawab Pasukan Keselamatan sahaja, tetapi perjuangan menentang komunis adalah perjuangan kita semua, rakyat seluruhnya, terutama sekali pemimpin-pemimpin, badan, pertubuhan-pertubuhan khususnya wakil-wakil rakyat yang sewajarnya faham tentang masalah komunis mestilah mengambil daya inisiatif sendiri untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada rakyat seluruhnya. Pihak Kerajaan tidak mungkin dapat menyerap ke seluruh lapisan dan golongan masyarakat berkenaan dengan bahaya komunis kalau tidak dengan bantuan dan kerjasama pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain seperti yang saya kata tadi iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:**

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan keterangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu salah satu daripada caranya untuk hendak membersihkan mereka ialah ditangkap, dimasukkan di dalam tahanan kemudian dibersihkan otak dan pemikirannya. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan setakat hari ini berapa peratuskah kejayaan yang telah dicapai sistem yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, dalam surat-khabar hari ini ada disiarkan tiga orang yang mengaku sudah dibersihkan. Itu satu daripada hasilnya. Kalau hendak dikira peratusnya, tidak dapatlah saya berikan angkanya di sini pada masa ini, tetapi pada kami ini satu usaha yang berjaya.

**PENIAGA-PENIAGA KECIL**

**22. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa peniaga-peniaga kecil masih sukar mendapat kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan baik dari segi modal ataupun tempat perniagaan dan kadang-kadang mereka-mereka ini dikenakan syarat-syarat yang tidak termampu oleh mereka, jika ya, apakah kemudahan-kemudahan yang berkesan yang dapat diberikan kepada mereka.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa masih ada kelemahan-kelemahan dalam usaha-usaha memberikan kemudahan-kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil yang menyebabkan terdapat dalam golongan ini yang tidak berpuashati dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh ajensi-ajensi Kerajaan. Untuk mendapatkan modal bagi perbelanjaan mengurus dan pembelian harta tetap ajensi-ajensi Kerajaan yang menyediakan kemudahan ini secara langsung termasuklah MARA, Perbadanan Pembangunan Bandar dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang tertentu. Di samping itu Perbadanan Jaminan Kredit memberi jaminan kepada pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank perniagaan di mana setiap pinjaman itu tidak melebihi \$30 ribu. Pada keseluruhannya ajensi-ajensi Kerajaan mengeluarkan pinjaman-pinjaman secara langsung dengan syarat-syarat lebih mudah dari bank-bank perniagaan. MARA misalnya mengeluarkan pinjaman dengan mengenakan faedah bagi kadar yang lebih rendah daripada yang dikenakan oleh bank-bank perniagaan. Perlu juga diingatkan iaitu tiap-tiap permohonan untuk pinjaman hendaklah dikaji bagi menentukan supaya tujuan pinjaman itu begitu rupa yang peminjam berkenaan tidak akan memikul beban yang akan merugikannya.

Kerajaan adalah sentiasa dari masa ke semasa mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam usaha-usaha ajensi-ajensi Kerajaan memberikan kemudahan-kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil supaya mereka yang mempunyai kelayakan untuk dibantu dapat dibantu dengan lebih berkesan lagi, misalnya Bank Negara mengeluarkan arahan-arahan kepada bank-bank perniagaan dan mengambil tindakan susulan supaya diadakan quota pinjaman-pinjaman kepada bumiputra. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah menguntukkan sebanyak \$30 juta untuk peniaga-peniaga kecil dan peruntukan ini adalah di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri.

Dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan asas seperti tapak-tapak perniagaan, gerai-gerai dan kedai-kedai, kemudahan-kemudahan ini adalah ditambah dari masa ke semasa oleh ajensi-ajensi seperti MARA, Perbadanan Pembangunan Bandar, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, pihak-pihak

berkuasa tempatan dan lain-lain. Dalam memperuntukkan kemudahan-kemudahan ini ketutamaan adalah diberi kepada bumiputra dengan syarat-syarat yang menasabah. Saya sedar terdapatnya masalah kekurangan tempat-tempat yang sesuai dalam bandar-bandar yang dikhususkan untuk peniaga-peniaga kecil. Perkara ini sedang dikaji oleh Kerajaan dengan tujuan supaya pihak-pihak berkuasa tempatan dalam membuat perancangan bandar mengambil kira keperluan untuk mengadakan tempat-tempat tertentu yang sesuai bagi peniaga-peniaga kecil.

Sukacita juga saya maklumkan bahawa satu jawatankuasa sudah ditubuhkan di peringkat Kementerian saya yang dipengerusi oleh saya selaku Menteri ditugaskan oleh Perdana Menteri menjaga hal ehwal peniaga-peniaga kecil untuk mengikuti perkembangan peniaga-peniaga kecil lebih-lebih lagi dari segi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang mungkin tidak dapat diatasi oleh mereka secara persendirian. Jawatankuasa tersebut juga dianggotai di antara lain oleh wakil-wakil daripada badan-badan peniaga kecil dan wakil-wakil ini bolehlah membawa masalah-masalah dan perkara-perkara yang tidak memberi puashati kepada peniaga-peniaga kecil untuk diatasi. Di samping itu sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian di Peringkat Negeri dan juga di Peringkat Kebangsaan, yang mana adalah dianggotai di antara lain oleh wakil-wakil dari badan peniaga-peniaga kecil sendiri.

Jawatankuasa Kerja di bawah Jawatankuasa Pusat ataupun kebangsaan ini telahpun mengkaji perkara-perkara dan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalan ini baru-baru ini dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Jawatankuasa ini selepas habis sahaja kajian mereka dibuat dan sebab-sebab berbangkit masalah-masalah ini dapat dikesani dengan tepatnya.

Mengenai syarat-syarat yang dikenakan, terlebih awal tadi saya telah mengatakan syarat mengenai kadar faedah yang dikenakan oleh MARA, Perbadanan Jaminan Kredit. Pada keseluruhannya syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil

ada lebih mudah dari syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat mempunyai butir-butir mengenai syarat-syarat yang telah dikenakan oleh agensi-agensi Kerajaan, maka Ahli Yang Berhormat juga peniaga-peniaga kecil yang menganggap syarat yang berkenaan tidak menasabah bolehlah berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan ataupun Jawatankuasa Kerja penyertaan bumiputra yang saya sebutkan di atas tadi ataupun Kementerian saya sendiri untuk dapat kita mengatasi masalah-masalah ini.

### BANTUAN BUKU-BUKU TEKS

**23. Tuan Haji Embong bin Yahya** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah dasar memberi buku teks percuma kepada murid Sekolah Rendah Kebangsaan; adakah diberi kepada setiap murid tanpa mengira pendapatan ibubapa mereka atau diberi mengikut rekemen dari guru sendiri;
- (b) adakah beliau sedar bahawa ramai murid sekolah rendah yang tidak diberi bantuan buku-buku teks percuma;
- (c) adakah beliau sedar bahawa setengah sekolah menggunakan buku yang sudah tidak dicetak lagi bila setoknya habis kerana sudah lebih tiga tahun dan yang demikian sukar ibubapa hendak mendapat lagi di kedai buku;
- (d) adakah beliau sedar bahawa murid-murid luar bandar setengahnya kehilangan masa belajar hampir lebih 3 bulan kerana kelambatan tiba buku-buku teks bantuan; dan
- (e) adakah beliau sedar bahawa masalah kekurangan buku-buku ini terutama di peringkat menengah menjadi satu dari sebab keciciran murid-murid luar bandar.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua murid di Sekolah Rendah Kebangsaan (termasuk sekolah yang dahulunya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris) adalah layak mendapat bantuan buku-buku teks;
- (b) Oleh kerana semua murid di Sekolah Rendah Kebangsaan layak mendapat bantuan buku teks, tidaklah sepatutnya

berlaku kejadian di mana ada di antara mereka tidak diberi bantuan buku teks melainkan sekiranya ibubapa sendiri memilih tidak mahu meminjam buku teks itu;

- (c) Sekolah yang mengalami perkara seperti ini adalah dikehendaki melapurkan segera kepada Biro Buku-buku Teks Kementerian Pelajaran supaya tindakan sewajarnya dapat dijalankan. Enam bulan sebelum tahun persekolahan bermula, penerbit-penerbit berkenaan adalah dikehendaki memberi pengesahan bahawa setiap buku teksnya yang disenaraikan dalam Senarai Buku-buku Teks Yang diperakukan itu dapat dibekalkan ke sekolah-sekolah samada melalui Rancangan Pinjaman Buku-buku Teks atau melalui penjualan di pasaran. Sekiranya ada penerbit yang melapurkan tidak dapat menerbitkan bukunya, Biro Buku-buku Teks akan berusaha menyelesaikan masalah-masalah itu.
- (d) Buku lambat sampai ini bukanlah berlaku pada sekolah-sekolah di luar bandar sahaja bahkan kelambatan ini berlaku juga pada sekolah-sekolah di bandar. Kementerian sentiasa menjalani penyiasaan-penyiasatan ke atas setiap kes yang berlaku dan seterusnya mendapatkan pihak-pihak berkenaan mempercepatkan kerja-kerja mereka.
- (e) Seperti yang dikatakan, kekurangan dan kelambatan pembekalan buku-buku teks berlaku baik di kawasan-kawasan bandar atau di kawasan-kawasan luar bandar. Kekurangan atau kelambatan pembekalan buku-buku teks mungkin merupakan satu dari sebab keciciran murid tetapi tidak ada pula kajian yang dapat memastikan perkara itu. Walau bagaimanapun guru-guru khasnya pihak sekolah-sekolah sepatutnya berupaya menggunakan kaedah dan menyediakan bahan-bahan lain untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan buku itu.

**Tuan Haji Embong bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya nampak ada perkara-perkara yang tidak betul daripada apa yang dijawabnya dengan apa yang berlaku. Sudah beberapa kali Menteri menjawab bahawa buku teks itu akan diberitahu, akan

disiapkan, akan dihantar ke sekolah sebelum sekolah dibuka dan diberi enam bulan dahulu, tetapi hari ini di dalam suratkhbar bertalu-talu disiarkan sampai bulan Mac, hendak masuk bulan April, banyak lagi sekolah-sekolah yang tidak dapat buku. Kemudian masaalah yang dijawab tadi iaitu ada dikatakan semua murid dapat buku tetapi hari ini banyak pengaduan ibubapa dari anaknya bila balik ke rumah: "Bapa, cikgu tidak beri buku, suruh bapa beli sendiri".

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Embong bin Yahya:** Soalan tambahannya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perkara yang dijawabnya itu berlaku sebaliknya dan apakah tindakan hendak dibuat untuk mempercepatkan mendapat buku-buku yang berkenaan?

**Tuan Chan Siang Sun:** Jawapan yang telah diberikan oleh saya tadi sudah lengkap dan inilah masaalahnya. Tetapi Kementerian Pelajaran berusaha sedaya upaya supaya sekurang-kurangnya dapat mempercepatkan pembekalan buku-buku teks itu.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Adakah benar bahawa Kementerian Pelajaran telah menjalankan sistem tender untuk membekalkan buku-buku ini ke sekolah-sekolah dan juga adakah benar bahawa mereka yang telah berjaya mendapat tender tidak mendapat supply buku daripada pencetak? Ini yang menyebabkan lambatnya sampai buku teks. Jadi apakah tindakan Kementerian Pelajaran di dalam hal ini untuk mengatasinya?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sistem pembekalan buku-buku teks ini pun telah dibincangkan beberapa lama di dalam mesyuarat Biro Buku-buku Teks, Kementerian Pelajaran. Selain daripada membincangkan masalah-masalah dan juga oleh kerana sistem ini ialah satu sistem yang bermula dari tahun 1975 sahaja, jadi pihak Biro Buku-buku Teks telah mengaturkan satu sistem yang kita dapati sistem ini sampai hari ini barangkali satu sistem yang sempurna yang baik. Tetapi jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada pandangan-pandangan, bolehlah disampaikan kepada Biro Buku-buku Teks dan kita akan membincangkan perkara itu dengan lanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tempoh pertanyaan telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14, 19 dan 24 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).*

#### JALAN LUARBANDAR DI MUKAH

**14. Tuan Latip bin Haji Dris:** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah cadangan Kerajaan untuk mengatasi masalah jalanraya kecil dan jambatan-jambatan kayu yang telah lapok di kawasan kampung-kampung luarbandar terutama di Daerah Mukah, Sarawak yang dibuat masa penjajah dahulu diambil perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab untuk membuatnya. Jika ada, berapakah angka-angka peruntukan diberi dan juga peruntukan bagi maksud ini tiap-tiap tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga mengikut negeri-negeri dalam Malaysia.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Kerajaan ada cadangan untuk membaiki jalan-jalan luarbandar di Daerah Mukah. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$585,000 telah diperuntukan untuk membaiki Jalan Tillian/Petanak dan peruntukan berjumlah \$400,000 telah juga disediakan untuk Jalan Kampong Pinang. Bagi tahun 1976 peruntukan yang telah diberi untuk Jalan Tillian/Petanak dan Jalan Kampong Pinang ialah sebanyak \$160,000 dan \$110,000. Peruntukan bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$219,990 dan \$120,000. Bagi negeri Sarawak peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk jalan-jalan pembangunan ialah sebanyak \$5 juta. Peruntukan sebanyak \$1.5 juta telah disediakan bagi tahun 1976 dan sebanyak \$1.5 juta lagi disediakan bagi tahun 1977.

Peruntukan jalan luarbandar mengikut negeri-negeri di Malaysia ialah seperti berikut:

	<i>Rancangan Malaysia Ketiga</i>	<i>Peruntukan Tahun 1976</i>	<i>Peruntukan Tahun 1977</i>
	(\$ juta)	(\$)	(\$ juta)
(a) Perlis .. .. .	4.8	300,000	2.0
(b) Kedah .. .. .	30.180	1,500,000	9.0
(c) Pulau Pinang .. .. .	1	300,000	1.0
(d) Perak .. .. .	7.5	300,000	5.0
(e) Selangor .. .. .	1.5	300,000	1.0
(f) Negeri Sembilan .. .. .	4.5	300,000	2.0
(g) Melaka .. .. .	10.320	300,000	2.0
(h) Johor .. .. .	2.5	500,000	2.0
(i) Pahang .. .. .	3	800,000	2.0
(j) Trengganu .. .. .	9	1,400,000	7.0
(k) Kelantan .. .. .	32.7	700,000	6.0
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	107	6,700,000	39.0

#### BEKALAN LETRIK DI LUAR BANDAR

**19. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan program pembekalan letrik (electrification programmes) yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi Daerah Kuala Kangsar, sebutkan lokasinya sekali dan tarikh dijangka siap.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Bagi menjawab soalan ini, saya sukacita merujuk kepada jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada 24hb Mac, 1977 di mana saya sebutkan bahawa keenam-enam projek bekalan letrik luarbandar yang telah diluluskan di Daerah Kuala Kangsar dalam Rancangan Malaysia Kedua dan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan tersebut adalah dianggap sebagai projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga. Projek-projek tersebut telah dimasukkan dalam senarai projek-projek tahun 1977 bagi Negeri Perak.

Seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa penentuan projek-projek bagi tiap-tiap Daerah dan Negeri adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini saya tidak dapat memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat jumlah bilangan kampung-kampung di Daerah Kuala Kangsar yang akan dibekalkan dengan letrik dalam keseluruhan tempoh Rancangan Malaysia Ketiga oleh kerana senarai yang lengkap sedang disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Walau bagaimanapun selain daripada projek-projek yang telah saya sebutkan di dalam jawapan saya pada 24hb Mac, 1977 terdapat sebuah lagi projek baru bagi Daerah Kuala Kangsar, untuk dilaksanakan dalam tahun ini, iaitu Bekalan letrik ke Kampung Pauh, Sayong, Kuala Kangsar.

### OPERASI HITAM

**24. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berkenaan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura berikutan dengan dakwaan Leong Mun Kwai, Setiausaha Agong Barisan Rakyat Singapura, pada 23hb Februari, 1976 bahawa Kerajaan Malaysia ada melancarkan tindakan "Operasi Hitam" terhadap Kerajaan Singapura untuk menjatuhkan kedudukan Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew, apakah benar tindakan ini dilakukan, sekira tidak dapatkah diterangkan apakah penafian kenyataan itu supaya Kerajaan dan masyarakat kedua negara tidak keliru tentang kenyataan itu.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie):** Pada 26hb Februari, 1977, Ketua Polis Negara telah mengeluarkan satu kenyataan berhubung dengan perkara ini yang telah menolak dakwaan bahawa Cawangan Khas terlibat dalam "Operasi Hitam". Oleh itu, tidak ada apa lagi yang saya hendak tambah.

### NAMA KAPALTERBANG MAS

**25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Penglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak menamakan kapalterbang-kapalterbang MAS sekarang seperti kapalterbang-kapalterbang TUDM kita, kiranya ya, bila; dan

- (b) samada Kerajaan sedar bahawa ada negara-negara lain yang telah menamakan kapalterbang mereka seperti di atas dan telah mendapat sambutan baik dari kalangan orang luar dan dalam negeri dan kiranya sedar tolong namakan negara manakah yang telah berbuat demikian.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (a) Kerajaan berpendapat tidak perlu untuk memberi nama kepada kapalterbang-kapalterbang yang dipunyai oleh MAS.
- (b) Kerajaan sedar bahawa ada negara-negara yang memberi nama kepada kapalterbang-kapalterbang seperti di-Australia, India dan Indonesia. Walau bagaimanapun, pada pendapat Kerajaan, tindakan yang sedemikian tidak akan menambah penarikan perdagangan terhadap syarikat penerbangan yang tersebut.

### HARGA GAS

**26. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau telah meluluskan kenaikan harga gas untuk memasak yang dibuat oleh syarikat-syarikat minyak pada 24hb Februari, 1977 memandangkan bahawa tidak ada sebarang ulasan resmi dari Kementerian beliau mengenai kenaikan ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Kementerian saya tidak meluluskan kenaikan harga gas memasak (cooking gas) yang dibuat oleh syarikat-syarikat minyak pada 24hb Februari, 1977. Ini ialah kerana kenaikan tersebut tidak perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian saya terlebih dahulu. Sungguhpun gas memasak adalah satu barang terkawal (controlled item) di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 ianya tidaklah bermakna bahawa syarikat-syarikat minyak mestilah mendapatkan kelulusan untuk menaikkan harga terlebih dahulu. Seperti saya nyatakan pada 22hb Mac, 1977 semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur, Kementerian saya tidak mengawasi harga gas memasak kerana harganya selama ini adalah stabil dan pasarnya adalah kecil iaitu kurang daripada 1% daripada keseluruhan

pasaran barang-barang petrolium di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaikan harga ini merupakan kenaikan yang pertama semenjak May 1974 sungguhpun harga minyak mentah telah dinaikkan beberapa kali sejak itu. Walau bagaimanapun saya telah menulis kepada syarikat-syarikat minyak berkenaan, mengarahkannya supaya menarik balik kenaikan harga gas memasak sementara alasan-alasan terhadap kenaikan itu dikajikan oleh Kementerian saya.

### HARGA BARANG-BARANG

**27. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah benar biasanya kenaikan harga barang-barang hendaklah disahkan dan dipersetujui oleh Kementerian beliau.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Adalah tidak benar bahawa semua kenaikan harga barang-barang hendaklah disahkan dan dipersetujui oleh Kementerian saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya barang-barang yang dikeluarkan oleh perindustrian-perindustrian tempatan yang telah diberi galakan insentif dan perlindungan seperti kawalan impot dan cukai impot dikenakan syarat untuk mendapatkan persetujuan dan kebenaran Kementerian saya menaikkan harga barang-barang mereka.

### OPERASI DAOYAI-MUSNAH

**28. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan hasil dari Operasi Daoyai-Musnah pada bulan Februari, 1977.

- (1) berapakah anggota komunis yang ditawan dan yang dibunuh;
- (2) berapakah kemalangan yang dialami oleh Pasukan Keselamatan; dan
- (3) berapakah bilangan sebenarnya anggota komunis yang masih ada di Malaysia dan langkah-langkah diambil untuk menentang mereka.

**Tan Sri Haji Muhammed Ghazali Shafie:** Jawapan kepada soalan yang sama telah diberi dalam Dewan ini pada 23hb Mac, 1977.

### HARGA BEER

**29. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar beliau tidak tahu terlebih dahulu kenaikan harga beer dalam tahun 1976 oleh pengilang-pengilang beer.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya sedar bila pekilang-pekilang beer menaikkan harga keluaran beer mereka, pada tahun 1976. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beer bukanlah salah satu barang-barang keperluan hari-harian yang dikawal oleh Kementerian saya. Pekilang-pekilang beer juga tidak dikenakan syarat supaya dipastikan mendapat kebenaran atau memberitahu Kementerian saya, sebelum mereka mengambil apa-apa tindakan untuk menaikkan harga keluaran-keluaran beer mereka.

Walaupun bagaimanapun, berikutan dengan pengaduan-pengaduan daripada beberapa Ahli-ahli Parlimen serta Persatuan-persatuan Pengguna dalam negeri, Kementerian saya telah membuat penyiasatan ke atas kenaikan harga tersebut, iaitu sebanyak 10 sen bagi setiap botol beer kecil (botol pint) dan 20 sen bagi setiap botol beer besar (botol quart). Mengikut penyiasatan itu, kenaikan harga beer adalah diperlukan demi memandangkan kenaikan kos pengeluaran dan duti eksais untuk pihak pekilang-pekilang. Duti eksais, umpamanya, telah dinaikkan sebanyak 40 sen setiap gelen beer. Selain daripada itu, kos beberapa ramuan-ramuan utama untuk membuat beer termasuk Malt dan Hops telah dinaikkan harganya sejak dua tahun lalu. Harga Malt umpamanya telah naik daripada \$518.03 sen tonne pada tahun 1974 kepada \$1,009.96 sen tonne pada tahun 1977, kenaikan sebanyak 95%. Harga Hops pula telah bertambah dari \$12,300.98 sen tonne pada tahun 1974 kepada \$16,011.50 sen tonne pada tahun 1976, iaitu bertambah sebanyak 30%. Memandangkan bahawa kos pengeluaran benar telah naik maka Kementerian saya berpendapat bahawa kenaikan harga beer pada tahun 1976 itu adalah munasabah.

### CUTI TEMPOH PENGGAL SEKOLAH

**30. Tuan Mohd. Bakri bin Rais** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau akan menimbang memendekkan tempoh cuti penggal sekolah terutama penggal ketiga yang begitu panjang yang mana boleh membuat murid-murid terlibat dalam kejadian-kejadian yang tidak diingini; dan
- (b) samada beliau bercadang mewajibkan sekolah-sekolah mengadakan kelas-kelas khas/tambahan di tiap-tiap cuti penggal terutama kepada murid-murid yang bakal menghadapi peperiksaan dan jika tidak, mengapa?

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):**

(a) Kementerian ini tiada bercadang untuk memendekkan tempoh cuti penggal sekolah, terutama penggal ketiga, kerana ini akan menimbulkan beberapa masaalah. Pertama, peperiksaan S.P.M./M.C.E. dan S.T.P./H.S.C. diadakan di dalam bulan November tiap-tiap tahun. Kedua, ramai guru-guru yang terlibat kerana mengawasi murid-murid yang mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut. Sungguhpun murid mungkin terpelihara dari terlibat dengan kejadian yang tidak diinginkan di waktu di sekolah, ini bukanlah tujuan sekolah diadakan.

(b) Kementerian ini berpuas hati mendapati ramai guru-guru sekolah yang mengambil daya utama mengadakan kelas-kelas tambahan secara sukarela pada tiap-tiap cuti penggal. Di samping itu, terdapat juga beberapa buah persatuan/pertubuhan pelajar yang menganjurkan kelas-kelas bimbingan untuk murid-murid yang bakal mengambil peperiksaan bukan sahaja di tiap-tiap cuti penggal bahkan juga di tiap-tiap hujung minggu. Dengan yang demikian, Kementerian ini merasakan tidak perlu mewajibkan sekolah-sekolah mengadakan kelas-kelas khas/tambahan untuk murid-murid yang bakal mengambil peperiksaan pada tiap-tiap cuti penggal persekolahan.

**DAFTAR PEMILIH**

**31. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi-pengundi yang berdaftar setakat ini bagi tiap-tiap negeri di Malaysia dan nyatakan harga daftar pemilih 1977/1978 (Senarai A) bagi tiap-tiap negeri.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Mengikut daftar-daftar pemilih yang telah disahkan pada 10hb Februari, 1977 bilangan pemilih yang terdaftar bagi tiap-tiap satu negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Pemilih
1. Perlis ... ..	61,935
2. Kedah ... ..	414,398
3. Kelantan ... ..	321,942
4. Trengganu ... ..	194,299

5. Pulau Pinang ... ..	332,313
6. Perak ... ..	672,737
7. Pahang ... ..	214,280
8. Selangor ... ..	397,327
9. Wilayah Persekutuan	230,084
10. Negeri Sembilan ... ..	190,781
11. Melaka ... ..	167,672
12. Johor ... ..	537,413
13. Sabah ... ..	279,721
14. Sarawak ... ..	417,812

Mengenai harga satu set daftar pemilih bagi tiap-tiap satu negeri, ini belum dapat ditentukan sehingga daftar-daftar itu siap dicetak nanti. Walau bagaimanapun adalah dianggarkan bahawa harganya adalah seperti berikut:

Negeri	Harga satu set daftar pemilih
1. Perlis ... ..	\$ 120
2. Kedah ... ..	850
3. Kelantan ... ..	750
4. Trengganu ... ..	400
5. Pulau Pinang ... ..	550
6. Perak ... ..	1,400
7. Pahang ... ..	600
8. Selangor ... ..	600
9. Wilayah Persekutuan ... ..	500
10. Negeri Sembilan ... ..	400
11. Melaka ... ..	300
12. Johor ... ..	1,300
13. Sarawak ... ..	900
14. Sabah ... ..	600

**KILANG GULA**

**32. Tuan S. Robert Evans** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang untuk menubuhkan kilang-kilang gula di Negeri Sabah, terutama sekali di daerah Tawau dan Sandakan, jika tidak mengapa.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Kerajaan Pusat tidak dengan sendirinya mengambil bahagian di dalam penubuhan kilang-kilang gula di negara ini. Projek seperti ini biasanya dicadangkan oleh pihak swasta keseluruhannya atau secara berkongsi

dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDCs). Kerajaan Pusat hanya dapat memberi kemudahan-kemudahan dan galakan-galakan di mana yang patut untuk membolehkan projek seperti itu ditubuhkan. Mengikut polisi ini, Kementerian saya tidak mempunyai cadangan buat masa sekarang untuk menubuhkan kilang gula di negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah menerima cadangan daripada pihak-pihak di Sabah untuk menubuhkan kilang seperti ini. Permohonan ini sedang dikaji dengan teliti oleh Kementerian saya bersama dengan beberapa Ajensi Kerajaan yang lain. Saya tidak dapat membuat komen berkenaan cadangan ini sehingga kajian tersebut selesai.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat.” (24hb Mac, 1977).

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Matang menyambung ucapan beliau.

3.35 *ptg.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, petang semalam saya bercakap di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan Malaysia telah merdeka genap selama 20 tahun. Saya berharap di atas genap kemerdekaan negara kita ini diharap rancangan tanah yang dilaksanakan oleh Kerajaan kepada rakyat bagi seluruh

negara dan bagi Dasar Pelajaran yang ada wujud di negara kita ini dan bagi melaksanakan penyertaan 30% ekonomi bumiputra di dalam tempoh sehingga tahun 1990 adalah diharap kita akan berhasil.

Tambahan pula di dalam lapangan pelajaran yang telah wujud di negara kita dan pada akhirnya apabila sahaja Kementerian Pelajaran memaklumkan kepada rakyat mengatakan kelulusan M.C.E. lebih baik daripada tahun-tahun sudah. Ini menunjukkan Dasar Pelajaran yang ada di negara kita ini bukan sahaja dari kepentingan satu kaum bahkan sesiapa juga pun jika dapat mengikuti pelajaran dalam segala lapangan, mereka akan berhasil, walaupun ia terdiri daripada kaum yang tidak dapat pada permulaannya menyangka dalam Bahasa Malaysia. Saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di atas pelaksanaan Dasar Pelajaran di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah bercakap begitu panjang berkenaan dengan dadah dan bagaimana siksanya seseorang manusia apabila sahaja ia menjadi penagih dadah. Sungguh malang di dalam negara kita yang telah tercapai kemerdekaan 20 tahun ini selain daripada pihak kominis cuba mengganggu pentadbiran negara, mengganggu rakyat, telah ada satu perkara yang lain yakni dadah. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dadah telah menjadi satu mala petaka, perkara yang paling bahaya sekali, saya sifatkan dadah yang begitu hebat mengganggu rakyat, mengganggu pentadbiran negara, sebagaimana juga kominis yang mengganggu pentadbiran negara pada masa ini.

Oleh sebab itu saya merayu kepada Kerajaan dadah janganlah menjadi satu perkara yang paling senang yang hanya kita tumpukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sahaja, yang beliau ini terpaksa bersusah-payah ingin menyelamatkan mereka yang daripada sehari ke sehari telah bertambah. Mengikut angka yang telah diberitahu mengatakan penagih dadah di dalam negara kita ini telah meliputi sehingga angka 150,000 orang dan mereka ini terdiri daripada berbagai-bagai lapisan, samada rakyat biasa, pegawai-pegawai Kerajaan atau sebagainya yang tidak dapat dielakkan lagi, yang telah wujud di dalam negara kita pada masa ini.

Saya telah menyeru pada tempoh mesyuarat yang lalu supaya Yang Berhormat Menteri-menteri mengambil perhatian atas perkara ini supaya jika ada terdapat pegawai-pegawai di dalam pentadbiran Kementerian-nya, mereka ini hendaklah dikelolakan oleh Kementerian ini sahaja supaya tiap-tiap Kementerian-kementerian dapat mengambil daya usaha bagi mengelakkan ataupun bagi memulihkan semua penagih-penagih dadah.

Saya tidak tahu samada Kementerian ini mengambil perhatian dan ingin hendak melaksanakannya. Pada akhir-akhir ini penagih-penagih dadah telah diusahakan oleh berbagai-bagai pihak supaya mereka dipulih, ditangkap dihukum dan sebagainya, mudah dapat ditangkap penagih-penagih dadah. Tetapi yang paling mendukacitakan sekali, penagih-penagih ramai dan mereka tentulah datang daripada sesuatu pihak yang menjadi pengedar yang menjual kepada mereka dengan begitu mudah sekali dalam negara kita. Tetapi malangnya mereka belum dapat ditangkap, belum dapat dihukum, belum dapat dihapuskan di dalam negara ini walaupun ada hanya sebahagian kecil. Sepertimana saya katakan tadi, masalah dadah sama seperti masalah kominis hendak menghancurkan negara. Kita sedar jika rakyat menjadi penagih dadah, mereka tidak bermaya lagi, tidak ada sesuatu faedah lagi hidup, bahkan mereka ini menunggu di saat mereka yang paling akhir. Kalau beginilah keadaannya adalah lebih bahaya daripada ancaman kominis dalam negara. Oleh kerana masalah kominis telah dapat diatasi oleh pasukan keselamatan, oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, oleh Kementerian Pertahanan dan saya suka memberi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian-Kementerian ini yang telah dapat mengawal ketenteraman negara dengan begitu baik pada masa ini di samping mengadakan perhubungan rapat dengan Thailand dan Indonesia.

Masalah dadah adalah sama juga seperti masalah yang saya katakan berkenaan dengan kominis tadi. Oleh sebab itu Kerajaan hendaklah mengadakan satu undang-undang khas bagi pengedar-pengedar dadah. Kerajaan hendaklah menangkap pengedar-pengedar dadah ini dan dihukum dengan paling berat sekali. Jika sekiranya pihak Kerajaan tidak dapat menangkap dengan mengadakan bukti-bukti yang cukup, eloklah mereka ditangkap

di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) dan dihukum sepertimana mereka yang telah ditangkap di bawah I.S.A.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam lapangan ini biasanya pemimpin-pemimpin kita berkata: benteng yang dapat mempertahankan kekuasaan kominis masuk kepada rakyat ialah agama. Saya minta izin untuk membaca Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai masalah agama, Tuan Yang di-Pertua:

“Beta mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan seluruh rakyat sekali lagi supaya sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama.”

Masalah agama satu masalah yang paling besar yang patut dilaksanakan di dalam negara kita. Di dalam sekolah-sekolah Kerajaan hendaklah mengkaji semula supaya pelajaran agama dapat ditambah. Pelajaran jawi hendaklah dijadikan satu pelajaran supaya tidak ketinggalan seperti yang ada pada masa ini. Kelas-kelas agama hendaklah dibuka dengan begitu banyak baik ia agama Islam ataupun agama apa juga. Kalau agama Islam di dalam-dalam masjid, surau dan sebagainya yang dikelolakan baik Kerajaan ataupun bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh radio dan talivisyen yang telah ada tidak mencukupi. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya talivisyen selain daripada yang disiarkan pada sebelah petang dan malam, Kerajaan hendaklah menambah pula siarannya pada sebelah pagi. Sepertimana juga radio yang telah memberi kesan, saya percaya jika talivisyen dapat ditayangkan pada sebelah pagi, katakanlah daripada pukul 6.00 sampai pukul 8.00 pagi sebelum pejabat dibuka. Di dalam siaran-siaran ini selain daripada siaran-siaran berkenaan dengan nasihat, ucapan dan sebagainya; pelajaran agama hendaklah disiarkan kalau dapat pada tiap-tiap pagi supaya kalau ada anak-anak kita yang ketinggalan di dalam pelajaran mereka di sekolah-sekolah. Saya pernah jumpa seorang pemuda yang telah menjadi pegawai Kerajaan yang berjawatan tinggi berumur di antara 25-30 tahun pada malam semalam telah mengaku kepada saya menyatakan dia tidak ada asas agama dan dia tidak tahu langsung. Hanya apa yang dibuatnya ialah mengikuti apa sahaja sahabat-sahabatnya yang daripada Islam sahaja iaitu

sahabat-sahabat daripada orang Melayu membuat sesuatu, dia ikut tetapi dia tidak dapat pelajaran untuk dapat dia buat dengan sendiri.

Oleh sebab itu pelajaran agama hendaklah diperhebatkan, dapat diperkembangkan, dapat diajar melalui berbagai-bagai lapangan yang saya sebutkan tadi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah agama telah timbul satu masalah yang lain pula. Kedai-kedai yang ada di seluruh negara bukan dikelola, bukan dimodali oleh orang-orang Islam kerana mereka meminta hendak berniaga kepada orang-orang Islam, ditulisnya dengan perkataan yang besar di kedainya: "Makanan ditanggung halal"—"Makanan untuk Orang-orang Islam". Oleh sebab itu berkenaan dengan hal ini kadang-kadang telah menjadi kekeliruan juga kepada setengah-setengah pihak. Makanan-makanan ditanggung halal dan makanan untuk orang Islam ini jika kita dapati mereka yang makan di tempat-tempat, di kedai-kedai dengan cara-cara yang dibuat oleh orang-orang yang bukan Islam. Oleh sebab itu saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya menetapkan satu cara yang menasabah, satu peruntukan yang menasabah supaya lesen-lesen yang dikeluarkan kepada kedai-kedai ini hendaklah ditentukan lebih dahulu kepada kedai-kedai ataupun peniaga-peniaga tersebut yang boleh ditulis "Ditanggung Halal" ataupun "Makanan Orang-orang Islam."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Di dalam bulan ini kita telah mendengar daripada Kementerian Pelajaran di atas keputusan peperiksaan L.C.E., M.C.E. dan H.S.C. dan kita akan dengar beberapa hari lagi keputusan peperiksaan vokesyenal pula.

Di dalam perkara ini, saya nampak ada satu perkara yang menarik hati saya iaitu guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Kerajaan ini didapati tiada mencukupi dan memang betul tidak cukup. Maka satu cara yang telah dibuat ialah guru-guru sementara diambil mengajar di sekolah-sekolah yang tidak mencukupi. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini, ialah guru-guru sementara ini tidak pun diberi latihan. Mereka ini apabila sahaja diberi jawatan, terus menjadi seorang guru mengajar mata

pelajaran yang ditentukan oleh guru besarnya. Oleh sebab itu pada pendapat saya guru-guru sementara ini hendaklah Kerajaan memberi satu latihan jangka pendek terlebih dahulu barulah mereka ini disalurkan kepada sekolah dan bolehlah mereka ini memberi pelajaran bagi menolong lagi memajukan pelajaran di sekolah-sekolah yang ada di dalam negara ini.

Selain daripada masalah guru-guru sementara ialah berkenaan dengan sejarah negara kita. Sejarah negara kita ada terdapat di antara jenerasi muda kita tidak dapat mengikut, tidak dapat mengenali siapakah pejuang bagi mencapai kemerdekaan misalnya. Dan oleh sebab itu masalah sejarah yang telah diajar di sekolah-sekolah ini, pada pendapat saya tidak lagi mencukupi jika sekiranya pihak Kerajaan tidak menyediakan buku-buku sejarah yang secara mudah dapat difahami dan murah pula dapat dibeli oleh seluruh rakyat di dalam negara kita. Jika buku ini dijual dengan harga yang mahal, tentu menjadi masalah rakyat juga, tetapi buku-buku sejarah ini dapat dijual dengan harga yang murah, menarik perhatian rakyat dan rakyat dapat mengenali di atas sejarah negaranya sendiri mengikut apa yang mereka baca di dalam buku-buku yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus menyebut berkenaan dengan luar bandar. Saya minta izin menyebut juga pada kali ini berkenaan dengan jalan-jalanraya yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri di seluruh negara. Apabila sahaja jalanraya ini diminta pada pihak Kerajaan—Kementerian yang berkenaan minta dirojokkan kepada Kerajaan Negeri. Bila dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri kata wang yang ada tidak mencukupi. Di manakah cara perlaksanaan ini boleh dilaksanakan, jika masih kekal jalanraya ini dikawal oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh sebab itu saya minta kepada pihak Kementerian yang berkenaan, jika dapat supaya tiap-tiap negeri membanci berapa panjang ada jalan-jalanraya yang kalau dijaga oleh Kerajaan Negeri dan patut dapat dibaiki ataupun dijadikan jalanraya untuk dibubuh tar. Jika kita dapat tahu berapa panjang jalanraya di dalam sesebuah negeri jika Kerajaan hendak melaksanakan di dalam tempoh 5 tahun, 10 tahun atau 20 tahun misalnya, Kerajaan patut memberi peruntukan mengikut banyak yang dicadangkan untuk dilaksanakan. Jika Kerajaan tidak memberi peruntukan yang begitu, tentu susah Kerajaan Negeri hendak

melaksanakan oleh kerana peruntukan yang telah diberi hanya untuk memadai dengan menampung tanah, menampung pasir dan jalanraya ini kekal daripada 20 tahun kepada 20 tahun dan seterusnya begitu juga. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengkaji semula di atas dasar ini dan supaya dapat dilaksanakan apa yang telah dirayu beberapa kali di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu, saya menyentuh berkenaan dengan buruh. Yang menjadi masalah sekarang ada terdapat buruh-buruh ini telah menubuhkan persatuannya masing-masing tetapi pihak majikan tidak membenarkannya. Dan apabila pihak majikan tidak membenarkannya, buruh-buruh ini telah mengadu kepada Jabatan Buruh yang berhampiran dengan mereka. Beberapa kali mereka merayu dan didapati tidak berhasil. Oleh sebab itu, saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi perlindungan, dan galakan kepada buruh-buruh itu supaya dapat mereka menubuhkan persatuannya masing-masing dan dapat pula persatuan ini mengadakan perhubungan dengan majikan di samping kepentingan buruh dan kepentingan majikan dapat dilaksanakan baik di mana-mana juga di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati juga berkenaan dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian. Yang Berhormat Menteri Pertanian pada masa lawatannya ke tiap-tiap negeri di dalam negara ini meminta supaya Jabatan-jabatan di bawahnya dapat melaksanakan projek-projek di dalam tempoh yang paling pendek sekali. Saya mengambil peluang mengucapkan tahniah dan berterima kasih di atas pelaksanaan yang seperti ini dan saya percaya dan berharap supaya Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain juga akan mengikut langkah-langkah seperti ini supaya pelaksanaan di dalam berbagai-bagai lapangan di dalam negara kita ini dapat mencapai kejayaan.

5.55 ptg.

**Tuan Saadun bin Muhammad Noh (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sebagai Ahli baharu dalam Dewan yang mulia ini yang telah diberi peluang bersama-sama

membahaskan usul ucapan terima kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah membincangkan beberapa perkara dan di antara perkara-perkara itu ada yang kita dapati agak mendukacitakan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya perkara-perkara yang agak sensitif, yang boleh menimbulkan masalah-masalah perkauman, janganlah hendaknya dibawa di dalam Dewan ini, kerana Dewan ini bukannya merupakan satu Dewan tertutup, seluruh rakyat memandang dan mendengar kepada kita. Kita yang di dalam Dewan ini mungkin bercakap dengan perasaan biasa dengan tidak memikirkan apakah akibat-akibat yang akan berlaku di belakang kita, tetapi kepada pengikut-pengikut kita, kepada rakyat kita yang berbilang bangsa dan ugama dan berbilang kebudayaan, mereka mendengar dengan serious dan kita takut luka lama akan berdarah kembali.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA adalah satu perkara yang ingin sangat saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini. Kepada saya FELDA merupakan sebuah kampung baru—perkampungan baru yang boleh disifatkan sebagai model new society, kerana walaupun kebanyakan daripada peserta-peserta di dalam Rancangan FELDA ini terdiri daripada orang-orang dari satu kaum tegasnya daripada orang-orang bumiputra tetapi tidak dapat dinafikan bahawa mereka datang dari berbagai-bagai tempat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang hendak saya sentuh di sini janganlah hendaknya kita cuma mementingkan masalah hasil yang didapati oleh peserta-peserta. Tentang masalah hasil atau pendapatan peserta-peserta ini, memang tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa Kerajaan telah mencapai tujuan dan cita-cita yang hendak kita capai, walaupun pada satu masa dahulu ada suara-suara sumbang dari pihak-pihak yang tak berkenaan dengan adanya FELDA ini mengatakan tujuan Kerajaan mengadakan FELDA ini hanya semata-mata sia-sia sahaja. Di antara buktinya bahawa ianya berjaya ialah kerana adanya suara-suara yang mengatakan mengapa FELDA ini tidak dibuka kepada kumpulan masyarakat yang di sana dan di sini. Apa yang hendak saya

sebutkan di sini bukanlah tentang masalah mementingkan pendapatan hasil para peserta itu kerana yang patut kita perhati sekarang ini ialah adakah kita telah berjaya menubuhkan sebuah masyarakat baharu yang benar-benar mempunyai jiwa Malaysia di Rancangan Perkampungan FELDA itu. Adakah kita telah berjaya membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang berdikari yang sanggup bergotong-royong, yang sanggup mendukung dan mengamalkan cita-cita dan prinsip Rukunegara di perkampungan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang apabila saya memerhatikan setengah-setengah daripada Rancangan FELDA, tanpa menafikan rancangan-rancangan FELDA yang memang benar-benar berjaya, saya dapati saolah-olah ada sesuatu yang tidak kena dalam perancangan itu. Ada sesuatu yang tidak betul rasanya di sana yang tidak dapat hendak disalahkan di mana dan kepada siapa.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, ada komplek-komplek yang kita dapati daripada peserta-peserta FELDA, mereka sudah masuk dalam rancangan dengan anak-anak sekali dibawa pindah tetapi sekolah belum siap lagi. Bila kita bertanya kepada Jabatan Pelajaran, Jabatan Pelajaran menyalahkan FELDA kerana tidak memberitahu mereka lebih dahulu. Kita bertanya kepada FELDA, FELDA kata sudah beritahu lama lagi dahulu dan kadang-kadang kita diberitahu pihak J.K.R. pula yang terlambat menyediakan bangunan dan bila kita bertanya kepada J.K.R. pula, J.K.R. kata tender sudah lama dibuat, terpaksa re-tender balik semula kerana terjadi sesuatu perkara. Saya nampak seolah-olahnya ada berlaku sesuatu yang tidak kena dan inilah perkara yang harus kita betulkan dalam melaksanakan rancangan-rancangan yang molek seperti ini. Selain daripada itu juga tuduhan-tuduhan kita dengar di dalam FELDA, mengatakan bahawa peserta-peserta lambat menerima bayaran-bayaran yang patut diterima cepat, setengahnya sampai dua bulan lebih baru dapat menerima bayaran-bayaran yang patut mereka terima. Saya tidaklah berhajat hendak menerangkan rancangan FELDA yang mana yang ada berlaku seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan tadi bahawa perkampungan FELDA ini adalah merupakan satu perkampungan

new society, dan dalam new society terutamanya dalam masa kita sedang menghadapi ancaman komunis ini, pada pendapat saya dan saya percaya Dewan ini bersetuju dengan saya bahawa agama adalah menjadi asas yang paling kuat untuk menentang ancaman-ancaman atau fahaman-fahaman komunis ini. Di Johor, inilah yang saya tidak faham. Menurut kata Kerajaan Negeri Johor, FELDA telah bersetuju untuk membina bangunan-bangunan sekolah agama di kawasan-kawasan rancangan FELDA dan Kerajaan Negeri akan memberikan guru-guru dengan gajinya dan segala kelengkapan yang diperlukan, dan apabila saya bertanya kepada orang yang bertanggungjawab dalam FELDA, kita diberitahu tidak pernah FELDA berjanji begitu—mana yang betul. Kita harap hendaklah perkara ini dapat dibetulkan. Saya di sini terpaksa memuji ada beberapa rancangan FELDA di Johor yang peserta-pesertanya dengan suka hati beryuran sesama sendiri untuk menubuhkan sekolah-sekolah agama, kerana kalau hendak menanti sekolah yang dijanji akan dibangunkan oleh pihak-pihak yang berkenaan itu barangkali sampai bila pun tidak bangun lagi. Saya harap perkara yang seperti ini janganlah dipandang ringan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap tentang sekolah agama di rancangan FELDA tadi teringatlah saya pula di beberapa tempat lain dalam kawasan saya, yang agak terpencil dengan jalan-jalan rayanya yang menyedihkan. Beberapa tempat yang saya lawati itu apabila saya bertanya kepada mereka: "Saudara-saudara, ada apa-apa masalah hendak diberitahu supaya masalah itu boleh sama-sama kita selesaikan?" Setengah daripada tempat ini dahulunya tak pernah ada jalanraya. Kalau kita hendak pergi ke sana terpaksa kita naik bot. Jawab daripada orang di situ: "Yang Berhormat, kami bersyukur kepada Allah, tak ada apa-apa yang kami hendak minta. Tempat ini dahulu tidak ada jalanraya tetapi sekarang sudah ada jalanraya." Pada hal jalanraya itu Land Rover pun segan hendak masuk ke dalam. "Cuma satu sahaja yang kami hendak minta," katanya. Apa yang mereka minta: "Tolonglah, guru-guru yang mengajar di sini bukan orang sini, mereka datang dari jauh ditempatkan di sini, rumah guru cumalah satu. Hendak menumpang di rumah kami tidak padan benar, kecil benar, tak padan dengan guru-guru yang baik budi datang mengajar anak

kami." Jadi, saya sampaikanlah rintihan mereka itu di sini, rintihan dari pengundi-pengundi yang baik hati yang tidak hendak minta apa-apa walaupun jalanrayanya itu Land Rover pun segan hendak masuk ke dalam.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bersembahyang Jumaat seperti Ahli-ahli Dewan yang lain juga yang beragama Islam, kalau ada yang bercuti, saya tidak tahulah, tetapi di sana tadi ada Tuan Khatib menyebutkan fasal Freemason. Selama ini, saya tidak begitu tertarik hati dengan Freemason kerana saya sendiri pun dengar-dengar cerita sahaja, apatah lagi jadi ahli tak pernah langsung. Bila Tuan Khatib mengatakan bahawa Freemason ini sebenarnya suatu organisasi yang agak bertentangan dengan ajaran Islam, rasa seram bulu roma saya. Kalau begitulah kata Tuan Khatib, saya haraplah hendaknya Kerajaan juga mengambil perhatian yang berat terhadap gerakan Freemason ini.

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan hasil negara kita ini dan untuk menarik pelabur-pelabur luar negeri bagi datang ke dalam negeri kita ini kenalah kita memberikan galakan-galakan yang istimewa dan kemudahan-kemudahan asasi. Kita harap dua perkara yang kita janjikan ini bukanlah cuma merupakan janji-janji sahaja kerana kita tidak hendak pelabur-pelabur datang ke negeri kita, apabila dilihatnya kurang sedap, kurang menarik hati mereka kerana ada tempat-tempat lain lagi yang lebih menarik perhatian mereka maka pergilah mereka ke tempat lain. Kita asyik bising kenapa pelabur-pelabur lari ke tempat lain tetapi kita tidak tanya diri kita apakah kesilapan-kesilapan yang ada pada diri kita sendiri.

Satu perkara lagi dalam membanyakkan impot-ekspot kita ini, Tuan Yang di-Pertua, perhatian yang utama hendaklah juga kita berikan, terutamanya kepada impot duti. Saya rasa Ahli-ahli Dewan semua bersetuju dengan saya bahawa barang-barang yang dijual di Singapura jauh lebih murah daripada yang dijual di negeri kita ini, terutamanya barang-barang makanan seperti buah-buahan dan sebagainya. Apakah sebabnya? Kerana Singapura lebih memikirkan kepada survival negaranya sendiri daripada kepentingan yang lain. Adakah kita juga seperti Singapura mementingkan survival negara kita atau kita

ketika memikirkan masaalah survival negara kita ini kita juga sambil itu memikirkan takut reaksi yang mungkin timbul dari negara lain terhadap langkah yang akan kita ambil bagi menjamin survival negara kita sendiri. Kalau kita terlampau sangat memikirkan hal orang lain akhirnya kita sendiri nanti yang kecuang.

Dalam hal perdagangan ini kita ini tidak ubah seperti orang mengejar kekayaan. Kekayaan hanya boleh kita capai sekiranya kita mempunyai daya pemikiran yang tepat dan mempunyai pandangan-pandangan yang jauh. Ini kita kena mengambil contoh dan misalan daripada Hong Kong dan Malta, mengapa kedua pulau kecil dalam dunia ini boleh menjadi negara perdagangan yang begitu berjaya. Jadi inilah perkara-perkara yang saya minta melalui Dewan ini dapat kita perhatikan. Kita harus juga mempunyai pandangan-pandangan jauh yang tepat seperti yang dipunyai oleh pemimpin-pemimpin di kedua-dua daerah yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang dalam ucapan pertama saya di Dewan yang mulia ini untuk bercakap panjang-panjang, ini pun saya rasa sudah panjang sangat. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

4.10 ptg.

**Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyertai dalam perbahasan ini mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke bawah Duli kerana Titah Ucapan ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Keempat ini.

Saya sangat tertarik kepada Titah Ucapan ini yang sungguhpun pendek, lengkap tetapi meliputi segala perkara-perkara yang penting. Pada hari ini saya suka hendak menitikberatkan soal perhubungan kita di lapangan luar negeri. Oleh sebab negeri yang kecil seperti negeri kita ini sangatlah penting untuk kita mengadakan perhubungan yang sebaik-baik, cara persahabatan dengan semua negara dan bangsa-bangsa yang sudi mahu berbaik-baik dan bersahabat dengan kita.

Dasar Kerajaan kita di lapangan luar negeri setakat ini bolehlah dikatakan satu dasar yang telah menghasilkan cita-cita kita untuk mengadakan perhubungan yang baik

supaya dapat kita menjalankan perniagaan dan perdagangan kita serta juga dapat menyelamatkan kepentingan dan kestabilan negara kita. Dari segi ini saya sangat tertarik dan suka mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan keberangkatan Tuan Ieng Sary daripada negara Kampuchea yang kebetulan berada dalam negeri kita pada saat ini dalam lawatan rasmi yang pertama. Inilah kali yang pertama seorang pemimpin yang bertaraf tinggi seperti Tuan Ieng Sary yang menjadi Timbalan Perdana Menteri serta juga bertanggungjawab berkait dengan hal ehwal luar negeri daripada ketiga buah daripada kawasan Indo-China dan saya rasa kita semua merasa sukacita mengalu-alukan ketibaan beliau dan menyambut, menerima penghormatan yang diberi kepada kita dengan keberangkatan datang beliau itu.

Saya sendiri telah berpeluang baik malam semalam dapat bersama dengan beliau dalam satu jamuan yang kecil yang telah dianjurkan oleh Menteri Luar Negeri kita sendiri. Yang saya hendak cerita itu barangkali akan membangkitkan satu kesedaran bagaimana walaupun kita mempunyai cara pemerintahan yang berlainan dan barangkali tercerai dengan satu lautan dan juga telah tercerai oleh sejarah, oleh pemerintahan penjajah yang berlainan, mereka di bawah Perancis dan kita di bawah Inggeris beratus tahun tetapi apa yang berlaku semalam akan barangkali memperingatkan kita bahawa di dalam rantau ini perhubungan sejarah, perhubungan kebudayaan dan sebagainya tidak dapat dinafi dan tidak dapat diketepikan. Misalnya waktu kami makan hari itu telah dihidang sebagai manisan bubur kacang. Bila saya sebut, "ini bubur kacang", dia kata apa? Bubur? Dalam bahasa kami Bahasa Khmer, ini juga bubur, katanya. Terus kami sudah dapati walaupun Bahasa Khmer dengan Bahasa Melayu ini jauh tetapi ada istilah dan perkataan yang sama menunjukkan sudah ada beratus-ratus tahun yang lampau perhubungan erat yang terdapat sebelum kita ini tercerai-ceraikan.

Begitu juga oleh sebab kita terjemah makan tersebut, apa Bahasa Khmer untuk "ketam" ini. Katanya, "ketam". Dapat pula kami tentukan bahawa apa yang kita namakan ketam satu jenis makanan ini, orang Khmer dalam negara Kampuchea itu juga memanggilnya "ketam". Jauh perhubungan kita ini. Hendak pergi kemari antara Kampuchea dengan Tanah Melayu ini,

hendak menyeberangi lautan, kita memerlukan kapal. Tanya saya, benda untuk menyeberang laut ini apa namanya? Katanya, "kapal". Saya kata, Bahasa Melayu juga "kapal". Saya sebutkan tiga perkataan sahaja, mungkin banyak lagi tetapi pengalaman yang saya dapat walaupun dalam masa yang singkat menimbulkan keinsafan iaitu apabila kita sudah bersetuju secara dasar bahawa kita akan saling hormat-menghormati tentang kedaulatan Kerajaan masing-masing, tentang kedaulatan negara masing-masing dan bersetuju tidak akan campur tangan dalam hal dalam negeri masing-masing. Sungguhpun kita barangkali berlainan sistem pemerintahan, ekonomi, sosial dan sebagainya tetapi demi keselamatan dan kestabilan dalam rantau Asia Tenggara ini kalau kita dapat berbaik-baik, bersahabat dan mengadakan perhubungan Kerajaan dengan Kerajaan dan dapat bekerjasama untuk mewujudkan dalam kawasan, dalam rantau Asia Tenggara ini, satu kawasan yang benar-benar bebas, aman dan berkecuali, barangkali inilah satu-satunya jalan untuk kita menjamin keamanan dan kestabilan dalam rantau ini untuk bukan masa kita sahaja, akan tetapi untuk anak cucu kita di masa akan datang.

Saya sambil menyuarakan pendapat ini rasa bimbang juga kerana telah timbul pendapat dan fikiran yang menyokong samada dasar luar negeri kita ini sesuai kerana kita takutkan atau kerana kita bimbang anasir-anasir komunis ataupun antinasionl dalam negeri kita ini mungkin mendapat bantuan dan pertolongan daripada lain-lain sumber di luar negeri kerana kebencian kita, kerana bangkangan kita dan lawanan kita terhadap komunis dalam negeri ini terbawa-bawa berpendapat dan kira yang patut kita ubah dasar luar negeri kita, yang patut kita putus perhubungan dengan sebarang negeri yang mempunyai sebarang dasar ataupun sistem komunis dan sebagainya. Ini saya rasa patut kita bercermat dan jangan terbawa-bawa oleh sebab kalau kita hendak menjalankan dan mengamalkan cara perhubungan luar negeri dengan mahukan setiap-tiap negeri yang kita hendak berbaik-baik atau bersahabat itu sama sahaja cara pemerintahan, cara ekonomi, politik dan sosialnya tentu akan susah. Kita akan ketinggalan, kita akan terencil, kita akan menerima bukan keuntungan akan tetapi kerugian. Kita akan melakukan satu perbuatan yang ganjil yang tidak sesuai dengan zaman dan masa dan tidak pula sebagaimana

yang diamalkan oleh bangsa-bangsa lain yang sudah lebih pengalaman dan telah dapat hidup dengan selamat, bebas dan berjaya dengan mengadakan sistem diplomasi yang terukur yang diadakan dengan secukup perhitungan.

Memang kita sedar bahawa ada setengah golongan dan bangsa oleh sebab kepentingan mereka masing-masing mungkin mahu, ingin campurtangan dalam urusan negara kita ini. Boleh jadi mereka sudahpun campurtangan. Itupun barangkali bangsa-bangsa yang besar yang mempunyai fikiran dan falasafah komonis cuba, bukan sahaja hendak mempengaruhi pemimpin dan ketua-ketua negara ini akan tetapi menjalankan gerak-geri di seluruh dunia untuk memperkecilkan usaha kita dan rakan-rakan kita di rantau ini, khususnya dalam pertubuhan ASEAN, secara memulaukan ataupun untuk merosakkan segala usaha kita itu. Kita sedar, kita tahu dan saya percaya kawan-kawan kita di lain-lain negeri jiran kita dalam badan itu juga tahu dan saya percaya dunia umum juga tahu. Baru-baru ini saya terbaca dalam suratkhbar satu cerita yang ditulis dan tersiar dalam akhbar bagaimana satu bangsa yang besar yang menjadi pemimpin dunia kominis pada masa dahulu telah dengan cara degil, bukan sahaja menghalang dan membangkang usaha ASEAN, akan tetapi giat menjalankan usaha untuk melumpuhkan dan untuk menghalang segala perjalanan kita. Ini kita tidak heran ataupun tidak bererti yang kita mesti oleh sebab perbuatan itu terus mengubah sikap kita terhadap satu negara dan bangsa yang saya sebut tadi tanpa menamakan negara itu. Akan tetapi, secara jujur terus mengadakan perhubungan biasa sebab lambat-laun bangsa itu sendiri akan sedar dengan usahanya untuk mengeneipkan rancangan kita ini supaya dapat dia sendiri menjayakan dasar yang dia sudah beberapa tahun menganjurkan dengan tidak mendapat sebarang kejayaan itu, supaya bangsa itu, supaya Kerajaan itu sedar bukan dengan jalan untuk menjayakan sistem "so-called collective security"nya itu dengan cara menjahanamkan dan merosakkan usaha tempatan negara-negara kawasan serantau, sejiran itu. Tidak. Bukan. Saya percaya bangsa besar itu dan Kerajaan itu akan insaf dan sedar, akan membiar dan membenarkan kita negara kecil dalam Asia Tenggara ini bekerjasama semasa kita supaya kita tanpa campurtangan dari mereka atau pun bangsa-bangsa yang besar yang lain sehinggalah dapat kita

membuat perubahan kita yang sewajarnya untuk mententeramkan dan mengadakan keadaan yang stabil yang akan mendatangkan kemajuan dan kemewahan dan akan meningkatkan negara kita dalam kawasan ini. Maka kerana itu juga saya sangat tertarik kepada perubahan yang mungkin kita dapat lihat dalam perhubungan antara Amerika Syarikat dengan negeri Vietnam dengan adanya rombongan baru-baru ini pergi ke Hanoi di mana nampaknya ada perlonggaran.

Saya harap dengan perlonggaran itu Amerika Syarikat tidak akan lagi selepas mengadakan vetonya sudah dua-tiga kali menghalang kemasukan negara Vietnam ke dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Saya harap mudah-mudahan dengan perlonggaran sikap itu dan dengan kesanggupan Kerajaan Vietnam sendiri bekerjasama pada dasarnya seperti kita juga bekerjasama mengadakan perhubungan secara hormat-menghormati dan tidak campurtangan sistem politik pihak yang berlainan itu sebagai dasar dapat mengadakan perhubungan biasa dengan Amerika Syarikat dan supaya Amerika Syarikat tidak lagi menahan dan menyekat keanggotaan Vietnam dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan itu, saya juga suka mengambil kesempatan di sini mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan jiran yang bekerjasama erat dan rapat dengan Kerajaan kita seperti yang terdapat antara kita dengan Kerajaan Thailand di sempadan kita di utara itu atau yang terdapat antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Indonesia di sebelah selatan dan juga yang terdapat antara kita dengan Singapura di lapangan keselamatan. Kerjasama dua hala (bilateral) yang terdapat dengan sukarela untuk bersama-sama menyelamatkan negara dan kedudukan kita masing-masing. Ini ialah satu contoh bagaimana dalam keadaan susunan, pertubuhan kerjasama serantau ASEAN ini tidakpun menyekatkan, tidakpun menyusahkan kita mengadakan perhubungan secara bilateral antara satu negeri dengan negeri yang lain. Sebagaimana juga saya harap kerjasama walaupun kalau ada masaalah-masaalah masih tertinggal, yang tidak membolehkan Burma ataupun Vietnam ataupun Kambohia ataupun Laos dapat menyertai dalam ASEAN ini dengan 100% dengan sepenuhnya oleh satu-satu sebab atau masaalah. Itu tidak akan pula menyekat dalam perhubungan, persahabatan dan juga kerjasama antara negara-negara itu dan juga

anggota ASEAN masing-masing dalam lapangan yang tertentu yang boleh mendatangkan faedah dan keuntungan bersama. Sebagaimana juga antara kita dengan Kambojia mungkin dapat hasil daripada lawatan itu, persetujuan, kerjasama di lapangan pertanian ataupun kemajuan pembangunan dan sebagainya, samada di lapangan getah atau bijih ataupun perdagangan ataupun beras, padi dan sebagainya. Saya harap ada jalan yang dapat kita cari untuk negara-negara di kawasan ini bekerjasama di lapangan-lapangan yang dapat kita bekerjasama supaya menghasilkan sesuatu yang akan mendatangkan faedah, menafaat dan keuntungan kemewahan dan kemakmuran kepada anak negeri masing-masing sambil memperkukuhkan keamanan dalam kawasan ini, satu perkara yang kita patut memberi galakan dengan sekuat-kuatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka mengalih perhatian sedikit daripada perkara luar negeri kepada perkara dalam negeri. kepada perkara yang agak "sempit" iaitu Pulau Pinang. Saya rasa satu perkara yang patut kita tarik perhatian berkenaan dengan Pulau Pinang ialah soal kedudukan Pulau Pinang samada termasuk dalam Kawasan Utama Cukai (Principal Customs Area) dalam Semenanjung Tanah Melayu ataupun masih terkeluar daripadanya. Pada hakikatnya boleh dikatakan segala kecualian yang terdapat dahulu berkenaan cukai di Pulau Pinang itu hampir sudah habis, dan hapus. Kalau ada pun sedikit sahaja. Oleh sebab itu, saya suka bertanya kepada pihak pemerintah dan Kerajaan samada sudah sampai masanya hapuskanlah sahaja segala perbezaan antara cukai yang terdapat di Pulau Pinang dengan seluruh Semenanjung ini dan masukkan sahaja seluruh Pulau Pinang itu sepenuhnya ke dalam kawasan Kastam Semenanjung Tanah Melayu ini supaya menyenangkan kita pergi balik menyeberang selat tersempit itu tidak payah kita kena periksa kastam pergi mari dan yang lebih penting supaya perniagaan, perdagangan, pengangkutan dan sebagainya pada hari ini terpaksa berhenti di tempat kastam itu walaupun dari Semenanjung ini hendak pergi ke Pulau Pinang mesti berhenti, mesti beratur, mesti makan masa, mesti diperiksa dan macam-macam lagi. Kalaulah dapat dihapuskan sahaja pemeriksaan kastam yang mengasingkan Pulau Pinang daripada Tanah Besar ini akan menjimatkan banyak perbelanjaan, akan menyenangkan orang

yang terpaksa pergi balik mengangkut barang dan sebagainya. Ini satu perkara yang barangkali boleh merapatkan lagi Pulau Pinang menjadi satu bahagian dari Semenanjung Tanah Melayu ini yang seerat-eratnya.

Perkara yang kedua berkenaan dengan Kerajaan Tempatan iaitu satu keadaan yang sangat ganjil sudah ujud, terdapat di Pulau Pinang di mana seluruhnya. Seluas-luasnya Negeri Pulau Pinang ini sudah dijadikan Perbandaran, seluruh Pulau Pinang, sebulat-bulatnya dijadikan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Seluas-luas bidang Seberang Perai sudah dijadikan satu Majlis Perbandaran Seberang Perai. Bentuknya Municipal Council Penang Island dan Municipal Council Province Wellesly. Pendeknya dalam negeri Pulau Pinang ini semuanya bandar, tiada lagi kampung, tiada lagi desa, tiada lagi rural areas. Segala-gala undang-undang with the stroke of a pen, dengan cara tulis, dengan cara mengeluarkan perintah boleh kita dapat kesimpulan bahawa seluruh pulau yang dinamakan Pulau Pinang ini, seluruh Seberang Perai ini menjadi Bandaran, Municipality. Tetapi pada hakikatnya masih banyak orang yang tinggal di luar bandar, yang masih di kampung, yang masih bersawah, yang masih berbandang, yang masih menanam sayur, yang masih tidak cukup segala kelengkapan dan lain-lain. Tambahan pula dengan keadaan masalah kewangan, financial problems yang dihadapi oleh kedua Majlis ini. Saya tidak terasa samada Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai membekalkan perkhidmatan yang sewajarnya kepada tiap-tiap kampung, tiap-tiap desa di seluruh pelusok Pulau Pinang atau Seberang Perai. Tetapi apabila sudah termasuk dalam Perbandaran dia tertakluk kepada Municipal Ordinance. Hendak buat rumah, hendak buat pondok, hendak buat jamban, hendak buat reban ayam, hendak buat apa pun mesti perpelan. Jamban, macam dahulu, korek sahaja lobang boleh pakai jamban. Sekarang tidak boleh lagi. Di bawah Municipal Ordinance jamban itu mesti diapprove, mesti disahkan jamban curah, jamban tarik, jamban air ini terpaksa dibuat.

Sungguh pun Seberang Perai ini baharu-baharu ini kerana ada desakan telah diperlonggarkan. Baik tidak payahlah setiap pondok dalam sebuah kampung itu mempunyai sebuah jamban. Bolehlah 3-4 buah kongsi buat satu jamban curah ini. Tetapi

itupun berat. Saya rasa ada muslihat politik yang tidak sihat. Mungkin ada bau perkauman yang mungkin mendatangkan kesukahan dan beban kepada satu golongan bangsa dalam Pulau Pinang dan Seberang Perai ini. Banyak orang bergaduh bila sudah tertubuh Majlis Perbandaran ini, samun kerusi, parti itu mahu, parti ini mahu, tidak jadi mesti sama banyak, itupun bagus juga. Tetapi mereka gelap mata, tidak tengok, tidak pandang yang lebih penting daripada pembahagian kerusi-kerusi ialah cara pembentukan menghapuskan kampung dan desa, menghapuskan tempat kediaman orang Melayu, hendak mempersamakan kampung dan desa Melayu yang terdapat di Pulau Pinang dan Seberang Perai sama dengan rumah-rumah di bandar-bandar ialah satu jalan memaksa orang Melayu melompat ke langit atau melompat ke laut. Mana lagi jikalau kampung desanya tidak kekal di situ? Ini satu perkara saya rasa tidak dapat kita biarkan begitu sahaja. Ini satu perkara saya harap Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkaitan dengan Kerajaan Tempatan, Kementerian yang bertanggungjawab berkenaan dengan Kerajaan Tempatan dan semua agensi-agensi yang berkaitan dengan kehidupan orang Melayu di Pulau Pinang sebagai manusia biasa bertanggungjawab memerhatikan satu perbuatan yang pada hemat saya ini patut dikaji semula.

Begitu juga saya suka mengulangi rayuan kepada Kerajaan Pusat supaya mempercepat dan segerakan segala usaha yang telah dijanjikan untuk mengatasi masalah orang Melayu Pulau Pinang. Ada juga desas-desus bahawa Kerajaan akan menguntukkan satu peruntukan wang untuk membantu, ini satu khabar angin dan kita semua rasa ada harapan, tetapi saya harap janganlah tunggu-tunggu sampai lama sangat, sampai terlalu lewat dan terlalu lambat sehingga orang yang sakit itu pun yang memerlukan ubat mesti diberi ubat cepat-cepat. Ubat itu walau macam mana baik sekali kalau ditunggu lama-lama sangat barangkali tidak berkesan, barangkali tidak menjadi penawar lagi, barangkali boleh jadi kerana terlambat beri ubat yang baik itu menjadi racun pula. Oleh itu, saya buat rayuan apa sahaja rancangan yang ada dalam fikiran, dalam rancangan Kerajaan diharapkan jalankanlah seberapa cepat supaya boleh lagi kita membetulkan keadaan, bantuan ini berguna tetapi kalau lewat sangat nanti tidak berguna langsung.

4.39 ptg.

**Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini menyokong penuh di atas usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baharu-baharu ini, menjunjung kasih dapat bersama membincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya sangat tertarik hati dengan Titah Ucapan yang telah menumpukan perhatian antara lain-lain yang berkenaan penyalah-gunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah berucap berkenaan dengan bahayanya dadah kepada masyarakat, namun saya rasa elok saya memberikan pendapat saya dan menegaskan di sini bahawa salah satu daripada jalan atau dayausaha bagi mengelakkan belia-beliawanis kita daripada terperangkap di dalam penyakit penyalah-gunaan dadah ini ialah menerusi pelajaran agama samada agama Islam, Christian atau Buddha dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar, tahu dan faham berkenaan dengan perkara ini, tetapi apa yang saya maksudkan ialah bahawa pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan dan bantuan Kerajaan hendak diperbanyakkan sekarang ini. Pelajaran agama begitu sedikit sekali diajar sehinggakan murid-murid sekolah setelah tamat persekolahan menengah hanya tahu sedikit benar tentang pelajaran agama. Dan dengan kerana itu tidak menjadi benteng atau asas yang kukuh bagi setengah-setengah daripada mereka dipengaruhi atau ditembusi dengan dakwah salah seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya setengah-setengah negeri di mana Kerajaan-kerajaan Negeri itu mengadakan sekolah-sekolah agama untuk kanak-kanak misalnya di Negeri Johor dan Kelantan, perkara penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia khususnya belia-belia Islam adalah kurang, jika dibandingkan dengan belia-belia negeri-negeri yang tidak ada mengajar sekolah-sekolah agama percuma. Ini membuktikan bahawa pengetahuan agama pada peringkat asas itu adalah amat mustahak dan penting sekali. Maka oleh kerana itu, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan semoga menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang

tidak memberi pelajaran agama untuk kanak-kanak sekolah secara berasingan supaya dibuat demikian, demi untuk kebaikan kanak-kanak kita dan dengan secara tidak langsung dapat mengatasi atau menyekat merebaknya penyakit penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka lebih kurang 20 tahun dan telah melihat Rancangan Malaysia dan kemudahan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Tetapi sehingga sekarang ada setengah-setengah tempat di mana kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh setiap rakyat jelata belum lagi dibekalkan, misalnya di kawasan saya seperti Kampung Guar Ulu Seribu dan berbagai-bagai lagi belum dibekalkan kuasa electric, air dan jambatan dan jalan raya. Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat di dalam perkara ini dan membekalkan electric di tempat-tempat itu secepat mungkin, kerana tidak lain yang dipersoalkan atau ditanyakan oleh rakyat kepada Wakil Rakyat, apa yang saya kata tidak lain dan tidak bukan ialah supaya nanti dan bersabar. Rakyat sudah berkata: Nanti apa lagi, kerana Wakil-wakil Rakyat sudah berganti daripada lelaki kepada wakil wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri yang berkenaan tolonglah mengambil berat di atas perkara ini.

Sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai bantuan buku. Mengikut dasar Kerajaan adalah didapati murid-murid sekolah rendah dapat bantuan buku-buku sekolah. Usaha ini patut dibanggakan serta diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang bantuan buku kepada kanak-kanak yang miskin dan tidak mampu membelinya, tetapi di dalam pada itu adalah diharapkan bantuan buku itu jangan dilewatkan sangat diberi, kerana ada setengah-setengah sekolah bantuan ini disampaikan kepada murid-murid itu setelah sangat lama penggal sekolah dibuka. Kelewatan ini merugikan kanak-kanak sekolah dengan itu harap diambil perhatian jua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya tidak lupa juga mengucapkan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn yang telah memberi peluang kepada Wakil Wanita keluar negeri iaitu ke Indonesia. Peluang

itu diharap akan diberikan lagi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada anggota wanita Indonesia yang memberi layanan daripada awal hingga akhirnya.

4.47 ptg.

**Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (Padang Terap)** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat ini.

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ringkas, tetapi penuh bermakna dan menyentuh segala pokok-pokok yang menjadi asas penting kepada negara kita. Adalah melambangkan kepada Dewan yang mulia ini akan hasrat Baginda supaya Kerajaan dan rakyat Baginda seluruhnya banyakkannya kerja dari bercakap. Falsafah banyak kerja dari bercakap ini memanglah baik dan memanglah berkesan diamalkan oleh kita sekalian terutama dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada paragraph yang terakhir sekali ada menyentuh masalah membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu. Saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah benar-benar berazam untuk mengekalkan perpaduan nasional kita dengan meletakkan beberapa asas-asas yang menjadi alat yang mutlak kepada perpaduan itu sendiri, iaitu Bahasa Kebangsaan, Dasar Pelajaran dan juga Dasar Ekonomi Baru. Yang menjadi persoalannya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah pelaksanaan ketiga-tiga alat perpaduan ini samada telah berjalan dalam keadaan yang sebaik-baiknya seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat dan juga oleh Kerajaan sendiri ataupun tidak. Dalam ertikata yang lebih dekat bagaimana dengan penggunaan Bahasa Malaysia kita, adakah telah digunakan sepenuhnya dalam ertikata yang sebenarnya.

Yang kedua, bagaimana dengan pelaksanaan sistem Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, adakah telah digunakan sebagai suatu

bahasa penghantar yang tunggal pada tiap-tiap mata pelajaran dan juga pada tiap-tiap peringkat persekolahan.

Yang ketiga, bagaimana dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita. Adakah sedang menuju kepada pendekatan taraf hidup di antara golongan rakyat yang berada dengan yang tidak berada. Dan adakah sedang menuju kepada matlamat 30% penyer-taan bumiputra di bidang perdagangan dan perusahaan seperti yang digariskan oleh Dasar Ekonomi Baru itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh Kerajaan sendiri dalam melaksanakan ketiga-tiga alat mutlak ini, kerana terlalu tinggi gunung yang mesti didaki, terlalu curam lurah yang mesti dituruni, tambahan pula dengan adanya halangan-halangan dari pihak-pihak yang sikap mereka bak kata pepatah "Telunjuk lurus kelingking berkait".

Saya sedar dan rakyat keseluruhannya sedar akan halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam perkara ini. Tetapi oleh kerana perkara bahasa, perkara sistem pelajaran dan perkara Dasar Ekonomi Baru ini, ketiga-tiganya adalah alat yang paling mutlak kepada perpaduan nasional kita maka rakyat keseluruhannya sangat-sangat berharap kepada Kerajaan supaya melaksanakan ketiga-tiga alat ini dengan tegas, dengan berkesan dan tidak teragak-agak.

Dalam konteks penggunaan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia untuk menjadi bahasa pertuturan yang lebih luas oleh seluruh rakyat Malaysia pada masa yang akan datang, adalah berhubung rapat dengan pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan kita. Hal ini dipandang dari sudut bertambahnya jumlah pelajar-pelajar di Malaysia pada masa ini dan pada masa yang akan datang jika dibandingkan bilangan mereka pada ketika kita mencapai kemerdekaan kira-kira 20 tahun dahulu. Dari angka-angka perangkaannya saya mendapat faham bahawa pada tahun 1980 kelak jumlah pelajar-pelajar negeri ini akan meningkat kepada 3½ juta orang hampir-hampir ¼ daripada jumlah penduduk Malaysia pada masa ini.

Kemampuan Bahasa Malaysia menjadi bahasa penghantar yang tunggal dalam semua mata pelajaran dan semua peringkat

persekolahan sudah tidak diragu-ragukan lagi kemampuannya, walaupun ada golongan-golongan yang tertentu yang masih lagi meragukannya ataupun sengaja hendak meragu-ragukannya. Walau bagaimanapun, perkara pelaksanaan ini adalah bergantung kepada tindakan dan ketegasan Kerajaan sendiri dan bergantunglah juga kepada penerimaan seluruh rakyat di dalam negeri ini yang menjadi pangkal pokoknya dan menjadi nyawa dan nadinya.

Oleh kerana kita sekalian yakin bahawa perpaduan nasional melalui bahasa lebih mudah disalurkan melalui persekolahan supaya anak-anak kita tidak bertutur dengan berbagai-bagai bahasa sebaliknya bertutur dalam Bahasa Kebangsaan mereka sendiri, terutama sekali dalam masa mereka dibangku persekolahan. Bersabit dengan penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam negeri ini oleh kerana suara-suara yang lantang bersabit dengan penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya sudah tidak kedengaran lagi dan oleh kerana minggu-minggu dan bulan-bulan bahasa sudah tidak lagi memancarkan cahayanya di pupuk awan negara kita seperti mana yang lalu, maka menjadi pertanyaan kita sekalian iaitu adakah Bahasa Malaysia telah digunakan dalam ertikata penggunaan yang sepenuhnya. Tetapi dari apa yang kita dengar dan juga dari surat-surat yang selalu kita terima ternyatalah kepada kita bahawa penggunaan bahasa itu belumlah sampai kepada peringkat yang sebenarnya.

Menyentuh masaalah pelajaran agama, saya ingin membangkitkan sedikit bersabit dengan berita-berita di akhbar baru-baru ini iaitu ramai bilangan anak-anak Islam di sekolah-sekolah menengah termasuk kanak-kanak yang tinggal di asrama tidak tahu mengerjakan sembahyang dan tidak tahu hatta membaca Fatimah sekalipun. Berita-berita itu selanjutnya menyatakan dalam kajian yang tidak rasmi yang dilakukan dalam sebuah daerah dalam sebuah negeri dalam negara ini hampir-hampir 50 peratus kanak-kanak Islam bukan sahaja tidak tamat belajar Muqaddam bahkan tidak pernah belajar Muqaddam barang sekalipun. Walaupun hasil dari kajian ini tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya di seluruh negara tetapi jika keadaan yang begini berlaku dalam suatu tempat maka tentulah

tidak mustahil keadaan yang seperti ini berlaku di tempat-tempat yang lain di dalam negeri kita ini.

Memanglah benar masalah ini ada mempunyai pertalian yang banyak, bersangkut-paut dengan didikan ibu bapa di rumah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ini adalah berhubung rapat juga dengan sistem pelajaran yang dilaksanakan sekarang ini. Barangkali oleh kerana sistem pelajaran yang sedang berjalan sekarang ini tidak begitu memberikan perhatian yang sewajarnya kepada pendidikan agama kanak-kanak Islam bagi kelulusan SRP ataupun LCE di samping pelajaran-pelajaran yang lain dan mungkin juga sukatan pelajaran agama yang ada sekarang ini tidak begitu memuaskan, menyebabkan perkara yang menyedihkan kita ini berlaku. Saya mengambil kesempatan ini menyeru Kerajaan supaya segera mengambil tindakan yang berkesan mengatasi perkara yang kita dukacitakan ini supaya tidak berleluasa dan menular di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mana menjadi salah satu alat mutlak kepada perpaduan nasional kita di samping bahasa dan pelajaran yang saya sebutkan tadi. Perkara ini sekarang sedang diperkatakan dengan hebat oleh segenap rakyat di negeri ini. Ada yang mengatakan dengan dandang lagu yang asli, dan ada pula yang membawa lagu-lagu sumbang. Ada pihak yang menyuarakan supaya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan sewajarnya dan ada pula yang mengatakan kebimbangan pihaknya dan menganggap bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga ini mengutamakan bumiputra sahaja dengan membelakangkan rakyat yang bukan bumiputra. Lagu-lagu sumbang yang seperti ini bukan sahaja diperkatakan oleh sebarang orang ditempatkan yang sebarangan, bahkan diperkatakan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Selaku rakyat yang telah lama merdeka dan agak matang berpolitik, tentulah kurang sopan dan tidak wajar bagi kita menonjol-nonjolkan dan membawa-bawa perasaan perkauman dan sebagainya dalam suasana negara kita seperti sekarang ini.

Kita sekalian tentulah masih ingat akan kejadian (incident) pada tahun 1969 dahulu adalah berpunca disebabkan sentimen per-

kauman yang seperti ini. Adakah kita lupa akan kejadian itu dan adakah kita lupa akan ancaman-ancaman yang mengancam negara kita? Apakah kita lupa sekeliannya? Amatlah malang sekali Tuan Yang di-Pertua, jika ada di antara kita yang suka menggaru-garu akan parut incident itu sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sekali-kali bertujuan hendak menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh setengah-setengah Ahli di Dewan ini bersabit dengan Rancangan FELDA, FELCRA dan lain-lain rancangan yang bersabit dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, tetapi oleh kerana saya bimbang perkara-perkara yang dibangkitkan itu boleh mendatangkan satu kesan yang tidak dalam suasana negara seperti sekarang ini maka dengan sebab itu saya berseru kepada Dewan yang mulia ini supaya perkara-perkara yang seperti itu tidak dibangkitkan lagi pada masa yang akan datang. Dan saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya memberi penjelasan yang lebih luas lagi akan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru itu untuk memberi faham kepada orang yang belum faham dan untuk mengingatkan kepada orang yang telah lupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam paragraph yang akhir sekali yang mana Baginda telah mengingatkan kita sekalian supaya berpegang teguh dengan agama.

Saya mengambil peluang ini menggesa Kerajaan supaya ingatan baginda ini tidak lenyap begitu sahaja dan tidak juga menjadi hiasan semata-mata. Tetapi hendaklah dilaksanakan melalui saluran-saluran yang tertentu dari satu ke satu masa untuk menjadikan rakyat Malaysia satu masyarakat yang berpegang kepada agama. Berpegang dengan agama yang dimaksudkan oleh Baginda saya kira ialah berpegang dengan ajarannya dalam ertikata yang sebenar; bukan sebagai alat menahan kemaraan kominis, bukan sebagai alat untuk mencegah penyalahgunaan dadah dan sebagainya sepertimana yang difahami oleh setengah-setengah orang. Bukan begitu maksudnya. Apa yang jadi maksud "berpegang dengan agama" ialah berpegang dengan ajarannya dalam kehidupan orang perseorangan, dalam kehidupan bermasyarakat dan juga dalam kehidupan kita bernegara. Kita tidak perlu bimbang dengan kemaraan kominis. Kita

tidak perlu bimbang dengan penyalahgunaan dadah. Kita tidak usah bimbang dengan krisis moral seperti yang berlaku pada hari ini. Jika sekiranya kita telah berpegang dengan ajaran ugama, insya Allah dengan izin Tuhan semuanya akan hancur dan musnah sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan ringkas saya ini, terlebih dahulu saya hendak menyatakan kepada Dewan yang mulia ini akan harapan dan sikap rakyat berthabit dengan penggunaan sepenuhnya Bahasa Malaysia, Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga Dasar Ekonomi Baru. Rakyat sangat-sangat berharap supaya Kerajaan melaksanakan ketiga-tiga alat mutlak ini dengan tidak teragak-agak. Dan tidak sekali-kali mengindahkan suara-suara sumbang dari pihak yang sikapnya "telunjuk lurus, kelingking berkait". Ke atas mereka yang menjadi penghalang perlaksanaannya, ke atas mereka hendaklah diambil tindakan dengan sewajarnya, dengan tidak memilih bulu dan tidak memilih warna. Saya juga ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa rakyat yang taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara Malaysia adalah berdiri teguh di samping Kerajaan menghadapi sesuatu kemungkinan berthabit dengan pelaksanaan alat-alat mutlak perpaduan nasional ini. Dan pada akhirnya, sekali lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong sepenuhnya kepada usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menyampaikan Titah Ucapannya yang paling sempurna dan bernas di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk berucap atas perkara-perkara yang besar seperti perkara dasar-dasar nasional dan implikasinya tetapi saya hanya ingin menyentuh atas perkara-perkara yang mana ada berkaitan dengan kehidupan sehari-harian kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita bertuah kerana negara kita dapat memelihara kadar inflasi dalam keadaan yang memuaskan. Harga untuk kebanyakan barang keperluan (essential goods) telah naik tak lebih daripada 20%. Tetapi adalah diramalkan bahawa

harga barang keperluan akan naik lagi apabila pekerja-pekerja Kerajaan menikmati keuntungan daripada tanggagaji baru yang telah diluluskan oleh Kabinet, khasnya kalau gaji itu diberi dengan satu "lump-sum". Ini akan mengakibatkan bahawa pekerja-pekerja Kerajaan akan menjadi lebih mampu, dan dengan adanya lebih wang tunai yang tersebut tadi, mereka akan membelanjakan lebih banyak lagi. Akibatnya, kita mengalami inflasi yang lebih teruk dalam bidang pasaran kita. Menurut asas rule of economics, kalau lebih dagangan dan perkhidmatan adalah dikehendaki harganya akan memanjat tinggi. Kedudukan ini akan menjadi lebih teruk jikalau kenaikan harga ini tidak dapat diikuti oleh satu kenaikan pembekalan (supply) yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya merayu kepada Kerajaan kita supaya mengkaji dengan sedalam-dalamnya akan bayaran lump-sum yang akan dikeluarkan dalam tempoh tiga empat bulan ini, kerana akibatnya akan membebankan satu golongan rakyat yang menjadi tulang belakang kita yang besar iaitu termasuk penduduk-penduduk luar bandar yang miskin, petani, nelayan dan yang self-employed. Kita semua sedar bahawa harga untuk beberapa barang keperluan telah dinaikkan pada awal tahun ini, walaupun wang gaji baru yang berkenaan belum disampaikan ke tangan pekerja-pekerja Kerajaan. Daripada itu, kita boleh melihat bahawa semakan gaji (salary revision) seperti ini, kalau berlaku kerap-kali, akan membahayakan kesetabilan ekonomi negara khasnya kepada negara kita yang merupakan sebuah negara yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, kajian gaji baru ini, telah memakan banyak masa, wang dan tenaga manusia. Ini adalah satu "lesen" untuk kita semua. Di samping itu, rakyat juga bimbang kadar inflasi akan bertambah lagi kalau Kerajaan kita meluluskan permohonan syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga petrol, diesel dan minyak tanah. Sebenarnya harga gas masak telah naik tanpa kebenaran pihak Kerajaan yang berkenaan. Langkah-langkah yang berkesan mesti diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masaalah yang penting ini tanpa bertangguhan lagi dan juga adalah tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan bahawa harga-harga barang keperluan adalah bergantung kepada kemampuan (purchasing power) rakyat jelata kita.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya apabila berlaku kenaikan harga bagi barang-barang keperluan dapatlah banyak pengaduan dalam suratkhobar-suratkhobar kita yang mana menarik perhatian pihak Kementerian berkenaan mengambil langkah menyusun satu mesyuarat round table yang mana pihak Kementerian dan pihak manufacturers membincangkan perkara yang berbangkit. Juga pihak manufacturers akan menyampaikan facts and figures dan sebab-sebabnya serta pihak pegawai-pegawai Kementerian pula mendengar dengan simpati atas alasan yang dibangkitkan dan juga memberi pandangan serta penjelasan pihak Kementerian, tetapi pada akhirnya satu keputusan akan dicapai. Umpamanya pihak Kementerian barangkali bersetuju dengan kenaikan harga sebanyak 10%-20%. Kedua-dua pihak mencapai persetujuan dengan berasa senang hati dan diikuti pula dengan jamuan ringan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh berkenaan dengan dua pihak, ini menamatkan masaalah dua pihak tetapi kepada pihak rakyat jelata kita khususnya dari golongan yang miskin, ini adalah hanya tempat permulaan (starting point) macam-macam masaalah dan kesulitankesulitan seperti menyesuaikan (adjustment) di dalam cara hidup yang baharu, bilangan keluarga dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, untuk kita semua termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai Kerajaan, kita boleh ketatkan talipinggang kita tetapi pihak berkenaan, golongan yang miskin di manalah dapat mencari lobang untuk mengetatkan talipinggang itu yang mana telah terlalu banyak dipendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun benar bahawa harga bahan-bahan mentah adalah naik dalam pasaran dunia, tetapi bahan-bahan mentah merupakan sebahagian sahaja dalam kos pembuatannya. Dan kos pembuatannya (production cost) juga boleh dikurangkan oleh pihak pemilik kilang (manufacturer) dengan cara-cara yang berikut: memajukan (up-dating) peralatan dan teknik pembuatan; dengan organisasi yang lebih cekap; merebahkan berlebihan pekerja-pekerja dan sebagainya. Demikian kerjasama daripada pihak badan-badan perindustrian perdagangan adalah sangat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan atas usaha yang telah diambil untuk menghapuskan masaalah

dadah. Tetapi saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa masaalah penyakit perempuan (venereal diseases) juga mengemukakan satu masaalah sosial yang penting khususnya pada masa sekarang, dan saya memikir perkara ini juga patut menerima perhatian seperti yang diberi kepada masaalah dadah. Tuan Yang di-Pertua, sexually transmitted diseases akan menjadi satu ancaman yang serius dalam negara kita. Menurut satu kajian tidak kurang lebih daripada 200 kes baru berlaku dalam bandaraya Kuala Lumpur setiap hari. Kalau tidak ada langkah yang sewajarnya untuk berhentikan lebarnya, satu wabak V.D. (epidemic) akan berlaku dalam negara kita.

Selain daripada kebanyakan perniaga-perniaga meminta rawatan, adalah juga dapat dilihat lebih daripada pelajar-pelajar dan pemuda-pemudi menjangkit penyakit itu. Saya telahpun memberi rawatan kepada penagih dadah perempuan yang menjadi perempuan sundal (prostitute)—the result of prostitution supaya dapat wang untuk membeli dadah. Sebaliknya adapun penagih-penagih bergantung kepada prostitute untuk mencari wang membeli dadah. Satu kumpulan orang yang paling berbahaya ialah di antara umur 20 ke 30 ini adalah satu high risk group. Adalah penting juga dari segi self-medication. Kebanyakan penjangkit memberi rawatan kepada sendiri dan tidak sedari bahawa cara itu akan merosakkan kedudukan sendiri sebab rawatan yang tidak mencukupi akan menaikkan resistance ubat antibiotic yang berkenaan dan mengurangkan kesan ubat itu. Under-counter sales atau penjualan gelap harus dihentamkan. Pegawai-pegawai kuasa undang-undang harus jalankan tugas dengan lebih berkesan dan lebih bersungguh-sungguh. Adalah senang untuk sesiapa mendapat ubat antibiotic dari gerai-gerai tepi jalan dalam bandar masing-masing pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya ingin menyentuh atas perkara kereta-kereta dan maut dijalanraya dalam negara kita. Menurut satu kajian, satu daripada setiap 25 rakyat dalam Malaysia mempunyai sebuah kereta (one out of 25) dan juga satu daripada setiap 14 rakyat Malaysia mempunyai sebuah motosikal. Pada akhir tahun lepas adalah 1,267,000 buah kereta berdaftar di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan ini menunjukkan bahawa kereta-kereta adalah banyak sangat dalam negara kita, yang mana ianya akan membawa kerumitan lalulintas yang serius khususnya di Kuala Lumpur. Selain daripada adanya cara seperti bypasses, fly-over and expressways sudahlah sampai masanya bagi kita bincangkan "traffic prohibition zones" dan rancangan dan pelaksanaan harus dimulakan serta-merta sebelum lalulintas di dalam Bandaraya Kuala Lumpur sampaikan "standstill".

Tentang motosikal ianya juga membawa satu masalah yang besar. Ini melibatkan berani buta kemanusiaan (fool hardness), sikap tak peduli pemandu motosikal. Menurut satu lapuran yang boleh dipercayai 10% maut daripada 400 kes yang melibatkan kemalangan motosikal. Dan dalam satu lapuran yang lain juga menunjukkan bahawa 49 kes mati sebab tidak menggunakan topi keledar. Saya mencadangkan bahawa undang-undang topi keledar dapat dikuatkuasakan di seluruh negara Malaysia dan bukan dengan cara peringkat-peringkat untuk melaksanakannya.

Atas perkara maut jalanraya, saya mencadangkan bahawa driving instructors diberi kursus supaya mereka memahami dengan benar apa yang perlu diberitahu kepada para pelajar pemandu. Hanya mengenal simbol-simbol jalanraya sahaja tidak akan mencukupi; para pelajar mesti memahami erti dan kepentingan simbol-simbol tersebut. Testers juga perlu dipilih dari orang yang layak dan dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah diberi peruntukan terbanyak sekali atas kemudahan pelajaran. Tetapi satu seks dalam sistem pelajaran yang saya fikirkan adalah diabaikan ialah kemudahan perpustakaan dalam sekolah-sekolah dan dalam negara kita dengan amnya. Perkhidmatan perpustakaan dalam kedua-dua area ini perlu dimajukan oleh kerana Kerajaan dan rakyat kita memandang berat atas kepentingan pelajaran dalam negara kita yang makmur dan progresif. Masaalah yang penting ialah kekurangan wang dan kakitangan terlatih. Fikirlah, di Bandaraya Kuala Lumpur, Ibukota negara kita pun tidak ada sebuah Perpustakaan Kebangsaan padahal di beberapa buah negara jiran kita membanggakan perpustakaan yang sejarah. Sudah sampailah

masanya untuk kita membina sebuah Perpustakaan Kebangsaan yang mana rakyat Malaysia boleh banggakan.

Selain daripada itu, lebih banyak perpustakaan untuk orang ramai harus dibina di bandar masing-masing. Oleh kerana ada kekurangan buku-buku dan good reading materials di sekolah-sekolah, murid-murid terpaksa meminjam buku-buku rujukan (reference books) itu daripada perpustakaan kalau ada, dan juga sebab harga kertas dan buku-buku mahal sangat, pekerja-pekerja pun terpaksa meminjam buku-buku daripada punca yang sama itu.

Perbelanjaan atas project ini adalah sangat berguna dari segi jangka panjang masa yang mana rakyat kita akan menjadi lebih matured, better-informed and literate.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka menyentuh sedikit atas filem yang diimpot. Kita semua tidak boleh nafikan bahawa filem yang diimpot adalah popular dan disukai oleh orang ramai daripada semua golongan rakyat kita. Minatnya adalah bergantung kepada individual dan tidak ada sesiapa pun boleh memaksa sesiapa melihat filem yang tidak berminat untuk dia, dan saya merasa semua taxpayers harus diberi hiburan yang mereka suka. Kita tidak boleh menghadkan rakyat kita hanya melihat dalam negara kita sahaja tetapi adalah patut menggalakkan rakyat kita ke luar negeri dan melihat jauh supaya mengadakan sikap (mental) yang lebih sabar (more tolerance). Memanglah kebudayaan negara kita sendiri harus diberi keutamaan dan kita adalah mengelilingi dengan banyaknya kebudayaan kita dan sedikit-sebanyak pengetahuan kebudayaan negara lain boleh memberi faedah kepada kita.

Saya mendesak supaya susunan TV Malaysia dapat ditambah lagi dengan filem-filem impot, khususnya dalam filem saintifik, pelajaran, nature, information, filem kartun untuk kanak-kanak dan saya berharap filem yang baru dan bukan cheap out-dated film dapat dimainkan. Dan juga adalah senang untuk menjelaskan mengapa kebanyakan aerial talivisyen khususnya di dalam negeri Johor menghala ke arah Pulau Singapura.

5.22 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut

menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menentukan mengenai pembangunan dan kemajuan bagi kawasan saya. Adalah sangat menyedih dan mendukacitakan bagi saya sendiri sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan saya khasnya dan penduduk tempatan amnya kerana kawasan saya itu masih banyak ketinggalan dari berbagai perkara. Perubahan yang ada tidak banyak yang dapat dibanggakan dari sejak merdeka, dari pemerintahan Kerajaan Perikatan hinggalah kepada Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini. Pada hal selama ini pihak Kerajaan melaung-laungkan kepada rakyat untuk membandar luar bandar dan bermacam-macam lagi yang tak perlulah saya nyatakan di sini. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah segala apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan itu ialah untuk golongan tertentu, untuk tempat tertentu, untuk tempat yang sudah maju, jadi tempat yang masih tertinggal dibiarkan terus ketinggalan. Adakah itu satu daripada dasar Kerajaan—bukan, itu bukanlah dasar Kerajaan tetapi kenapa itu yang menjadi amalan Kerajaan atau adakah Wakil Rakyatnya yang bersalah—tidak. Wakil Rakyatnya tidak boleh disalahkan kerana Wakil Rakyatnya tidak ada kuasa. Kuasa yang diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat hanyalah untuk terjerit-jerit sahaja di dalam Dewan yang mulia ini. Pihak Kerajaan yang selama ini meminta kerjasama dari semua pihak, khasnya dari Wakil Rakyatnya tetapi apalah gunanya meminta kerjasama dari Wakil Rakyat jika apa yang diminta oleh Wakil Rakyat, Kerajaan tidak ambil peduli, yang Kerajaan tahu ialah memberi jawapan iaitu “akan ambil perhatian”. Entah berapa kali yang hendak ambil perhatian saya pun tidak tahu. Ini adalah satu lagi amalan yang mesti diherhentikan. Sebaliknya, kita hendaklah berhati-hati membuat janji-janji kepada rakyat supaya ianya dapat dipenuhi dengan kenyataan.

Dalam kawasan saya masih terdapat banyak lagi kampung-kampung yang ketinggalan dari menikmati segala kemudahan yang selama ini dijanjikan sahaja oleh Kerajaan. Kampung Tanjong Belanja misalnya, kampung ini yang hanya terletak dua batu sahaja dari pekan Parit dan di kampung ini juga terdapat sebuah rancangan rumah murah Kerajaan, iaitu didirikan pada masa peme-

rintahan Kerajaan Perikatan dahulu tetapi anihnya ialah kampung ini masih tidak ada bekalan elektrik pada hal penghuni-penghuni rumah murah itu tiap-tiap bulan membayar bayaran ansuran kepada Kerajaan tidak boleh beri bekalan elektrik kepada mereka. Begitulah juga dengan keseluruhan kampung tersebut di mana penduduknya yang seramai dua atau tiga ribu orang yang 99% adalah orang Melayu yang selama ini taat kepada Kerajaan tetapi Kerajaan melupakan mereka, Kerajaan tidak dapat pun membalas jasa baik rakyat di situ dan mereka dibiarkan bercahayakan api dari minyak tanah sahaja. Sudahlah begitu, harga minyak tanah pun mahal pada hal sudah berkali-kali saya memohon supaya dimasukkan bekalan api elektrik ke kampung tersebut. Jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan ialah menyuruh saya supaya berhubung dengan Kerajaan Negeri tetapi apalah gunanya, kalau pun saya berhubung dengan Kerajaan Negeri sedangkan wang peruntukan yang diberikan tidak mencukupi dan lebih teruk lagi ialah saya difahamkan bahawa Lembaga Letrik Negara sekarang sudah tidak ada persefahaman dengan pengeluaran letrik tempatan. Akibatnya bekalan letrik keluar bandar dibekukan dan kampung itu teruslah tinggal tanpa bekalan letrik.

Sungguhpun demikian, jika kita perhatikan Kerajaan boleh membuka sesebuah kampung baru itu lengkap dengan berbagai kemudahan, jadi mengapakah Kerajaan sanggup membiarkan sebuah kampung lama tinggal wujud sepertimana asalnya. Hasil yang diperolehi oleh Kerajaan untuk pembangunan negara datangnya dari mana dan dari siapa, bukanakah dari kampung-kampung, dari petani-petani, dari penoreh-penoreh getah dan dari rakyat yang hidupnya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Jadi adakah patut kiranya Kerajaan membiarkan mereka begitu sahaja—tentu tidak patut kerana itu bukanlah dasar Kerajaan. Kalau tidak patut kenapa mereka masih dibiarkan, tidak dipedulikan, sebaliknya hasil titik peluh mereka dibawa ke tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada memohon supaya dibina jalan tar sejauh 6 batu dari Kampung Tanjong Belanja ke kampung Telok Beruang. Alhamdulillah, syukur kerana permohonan saya itu telahpun diluluskan tetapi sayang, apabila saya tulis semula dan bertanya bilakah perlaksanaannya akan dijalankan, sampai hari ini surat saya tidak diberi jawapan. Ini satu lagi

amalan tak baik oleh pihak Kerajaan kerana menjawab surat pun lewat, adakah pegawai-pegawai yang ada di Kementerian itu terlalu sibuk dengan tugas, sehinggakan hendak menjawab surat pun tak sempat. Berbalik kepada soal pokok saya tadi, adakah apabila sampai ke Pilihanraya yang akan datang baru akan dijalankan perlaksanaannya. Jika inilah yang terus diamalkan oleh Kerajaan, maka saya yakin bahawa kepercayaan rakyat akan terus pudar dan lama kelamaan akan terus hilang terhadap Kerajaan, kenapa tidak, asyik diperdaya dengan janji saja siang malam.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya juga terdapat salah sebuah sekolah menengah terbesar di dalam Negeri Perak di mana bilangan muridnya melebihi 2,700 orang, sekolah yang saya maksudkan ialah Sekolah Menengah Datuk Abdul-Rahman Ya'kub di Bota Kanan. Kebanyakan murid yang datang belajar di sekolah ini tinggal lebih dari 10 batu. Patutkah atau tidak sekolah ini diberikan sebuah asrama, jawabnya tentu patut. Tetapi murid-murid tersebut masih lagi terpaksa berulang ke sekolah samada dengan bas dan sebagainya. Perkara ini juga telah berkali-kali saya kemukakan kepada Kerajaan, dan pihak Kementerian Pelajaran sendiri pernah bertanya tentang tapak. Soal tapak tidak timbul kerana di Parit ini terdapat banyak kawasan yang luas dan ketinggalan tidak sama sekali. Baru-baru ini semasa menghadiri mesyuarat Tindakan Daerah di Parit, seorang pegawai dari Jabatan Pelajaran telah memberitahu mesyuarat iaitu pembinaan asrama untuk sekolah tersebut tetap tidak dapat dilaksanakan walaupun di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Ingin saya mendapatkan penjelasan dari Menteri yang berkenaan iaitu bagaimanakah sebenarnya dasar Kementerian beliau di dalam soal pemberian asrama untuk sekolah-sekolah, adakah ia hanya diberikan kepada sekolah-sekolah yang di bandar-bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1975 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah datang melawat ke kawasan saya. Semasa berbual dengan beliau saya telah meminta supaya didirikan kilang-kilang perusahaan mana yang sesuai untuk Kawasan saya. Lalu beliau membuat janji bahawa beliau akan mengambil perhatian dalam hal itu dan janji beliau itu dibuat dalam satu kenyataan

akhbar yang mana keratannya masih ada lagi dalam simpanan saya. Tetapi sekarang sudahpun tahun 1977, kilang di mana, janji tinggal janji sahaja. Apakah ini yang dikatakan hendak memberi berbagai kemudahan untuk rakyat, hendak membandarkan luar bandar dan macam-macam lagi. Kemudian Kerajaan mulalah gelisah kerana di bandar-bandar besar sekarang ini telah kesesakan dengan penduduk, kenapa tidak, kerana belia/beliawanis dari kampung-kampung telah berhijrah ke bandar-bandar kerana mencari kerja di kilang-kilang yang banyak didirikan di bandar-bandar. Cuba kalau didirikan kilang ini di luar bandar, tidaklah mereka berhijrah ke bandar. Baru-baru ini, saya juga ada menulis surat kepada Menteri yang berkenaan supaya didirikan kilang padi dan kilang ubi kayu di Kawasan saya. Kepada Menteri Perusahaan Awam saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberi jawapan kepada surat saya tetapi dukacitalah saya kepada Menteri Pertanian kerana surat saya itu langsung tidak dijawabnya. Saya perhatikan di Negeri Perak nampaknya kilang-kilang perusahaan kesemuanya didirikan di tempat-tempat lain dari Parit. Kenapakah terjadi begini? Adakah pilih kasih ataupun Kerajaan Negeri menolak supaya jangan didirikan kilang di kawasan saya ini? Yang jadi mangsa siapa, jawabnya Wakil Rakyat, rakyat menuduh Wakil Rakyat tidak menjalankan tugas, Wakil Rakyat buat tahi mata, tidur dan sebagainya.

Kerajaan hendaklah sedar bahawa rakyat pada hari ini bukanlah rakyat dahulu, yang boleh ditarik hidung semacam lembu, hari ini mereka sudah celik, mereka sudah buka mata, mereka sudah tidak sanggup dipermainkan dengan janji-janji. Saya harap janganlah Kerajaan berterusan bermain janji lagi, kerana apa yang dihasratkan oleh Kerajaan tidak akan tercapai dengan hanya menabur janji sahaja. Satu lagi yang penting yang hendak saya perkatakan ialah tentang mesjid. Mesjid-mesjid yang terdapat di Kawasan saya itu semuanya sudah tua dan uzur keadaannya. Lebih buruk lagi letaknya pula kebanyakan mesjid-mesjid itu ialah di tepi tebing Sungai Perak, yang mana tebingnya semakin hari semakin rebak dan tidak syak lagi mesjid-mesjid yang ada itu akan terjun ke dalam sungai di satu hari nanti. Saya harap pihak yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri akan dapat berusaha lebih

kuat lagi supaya semua permohonan-permohonan untuk membaiki mesjid-mesjid dapat diproses dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesihatan rakyat juga hendaklah diberi keutamaan, terutama kepada murid-murid sekolah di kampung-kampung di pedalaman. Kerajaan hendaklah mengadakan unit-unit kesihatan bergerak di tiap-tiap kampung. Bercakap mengenai kesihatan, baru-baru ini saya telah dirawat di Hospital Besar Ipoh selama 17 hari kerana sejenis penyakit. Saya perhatikan pihak Hospital ini langsung tidak mengambil berat tentang kebersihan kawasannya. Dari mula-mula saya masuk ke Hospital ini hinggalah ke hari saya keluar, longkangnya tidak pernah dicuci, dan penuh dengan sampah sarap kerana airnya bertakung dan berbau busuk selain dari itu rumputnya juga tidak pernah dipotong. Itu adalah keadaan yang dapat kita lihat di sekitar wad Kelas Satu dan jika ditinjau di kawasan yang lain keadaannya adalah lebih teruk lagi. Di sekitar kawasan Hospital ini juga terdapat banyak anjing dan kucing berkeliaran. Satu lagi ialah berkenaan dengan perabot yang ada di bilik pesakit. Perabot yang ada nampaknya semuanya sudah patut diganti. Almari dan meja kecilnya tidak dikunci dan ini adalah membahayakan kepada barang-barang kepunyaan pesakit kerana pihak Hospital ini juga tidak tegas dengan kemasukan orang ramai. Begitu juga dengan kemasukan kenderaan-kenderaan di hospital. Pihak hospital hendaklah menghadkan kemasukan kenderaan-kenderaan awam ke dalam kawasan Hospital kerana bunyi bising dari kenderaan ini mengganggu pesakit. Saya mencadangkan, walaupun di masa melawat, hendaklah dihadkan kemasukan kenderaan-kenderaan awam ini, jangan dibiarkan mereka bebas masuk ke seluruh kawasan Hospital, dan benarkan hanya kenderaan Hospital, kakitangannya, polis, tentera dan orang kenamaan sahaja yang boleh masuk ke seluruh kawasan Hospital. Keadaan makanan yang diberi kepada pesakit di Kelas Pertama adalah tidak memuaskan. Berdasarkan kepada laporan dari pesakit-pesakit makanan yang diberi adalah tidak berubah dari hari ke hari. Malahan banyak dari pesakit-pesakit terpaksa memesan makanan dari rumah masing-masing atau dari luar hospital. Ini adalah satu perkara yang tidak harus berlaku kerana bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit adalah tinggi. Pihak berkuasa yang mentadbir hospital hendaklah mengambil perhatian tentang hal

ini. Mengenai kakitangannya pula, saya difahamkan bahawa jururawat-jururawat yang tinggal di asrama, mereka terpaksa membayar 15% tax dari gaji mereka, pada hal bagi kakitangan pekeranian pula mereka hanya membayar 5% tax saja jika mereka tinggal di rumah-rumah Kerajaan. Mengapakah terdapat perbezaan yang sangat jauh ini, Kerajaan mestilah memahami bahawa jururawat ini juga adalah dari golongan yang berpendapatan rendah. Kekurangan kakitangan juga adalah satu masalah besar bagi Hospital ini. Saya difahamkan bahawa sepatutnya doktor bagi Hospital ini ialah 90 orang, tetapi yang ada setakat ini hanya 40 orang saja. Perkara ini hendaklah diberi perhatian oleh Kerajaan kerana doktor yang ada sekarang ini adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan ratusan pesakit yang datang setiap hari. Begitu juga dengan jururawatnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan negara juga hendaklah jangan kita hebah-hebahkan kerana keselamatan adalah sesuatu yang sulit. Semasa berada di Hospital itu juga, saya telah berkesempatan menyaksikan sendiri akan askar-askar kita yang telah terkena booby-traps yang dipasang oleh kominis di hutan-hutan. Sungguh menyedihkan bagi sesiapa saja yang melihatnya kerana ada yang kudung kaki, tangan dan sebagainya. Tidakkah dapat Kerajaan mencari satu alat yang paling moden, di mana kita akan dapat mengesan booby-traps ini terlebih dahulu sebelum masuk menjalankan operasi di hutan-hutan? Lanjutan dari kecacatan anggota mereka akibat booby-traps ini, apakah rancangan konkrit yang Kerajaan ada untuk mereka. Ke manakah mereka akan diletakkan, bagaimanakah dengan nasib mereka dan keluarga mereka dimasa akan datang. Saya suka mencadangkan supaya mereka diberi latihan dalam satu-satu profession supaya kelak tidaklah masa depan mereka akan terjejas. Saya juga berpendapat bahawa saguhati 10 ribu ringgit yang diberikan oleh Kerajaan kepada askar kita yang terkorban itu adalah terlalu sedikit. Oleh itu Kerajaan hendaklah menimbang supaya jumlah tersebut dapat ditambah supaya setimpal dengan nyawa yang digadai. Mengenai langkah Kerajaan hendak memperbesar lagi pasukan bersenjata kita, ini hendaklah jangan dilewat-lewatkan. Tetapi Kerajaan hendaklah juga sedar bahawa negara kita kekurangan pusat-pusat latihan, Polis umpamanya, kita cuma ada pusat latihan di Depoh Kuala Lumpur

saja selain dari di Ulu Kinta. Dalam soal ini saya cadangkan supaya di bina lebih banyak lagi pusat-pusat latihan untuk pasukan bersenjata kita. Kekurangan pusat latihan inilah yang menyebabkan ramai askar dan polis kita terkorban kerana mereka tidak mendapat latihan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyentuh di sini berkenaan dengan Maju-ikan. Di Negeri Perak terdapat lebih kurang 2 ribu orang nelayan pantai. Mereka ini hidup dengan menyewa bot dari taukeh-taukeh, nyatalah kepada kita bahawa mereka ini adalah dikuasai oleh taukeh-taukeh tersebut. Dan baru-baru ini bot yang mereka sewa itu telah dirampas semula oleh taukeh-taukeh ini kerana hasil tangkapan telah berkurangan, dengan itu merugikan taukeh. Dari kejadian ini nyatalah kepada kita bahawa Majuikan tidak memainkan peranannya di kawasan tersebut iaitu pertama kerana nelayan ini dikuasai oleh taukeh, dan kedua hasil pendapatan mereka kurang akibat digugat oleh penangkap ikan "ala pukut harimau" di kawasan itu. Saya harap Majuikan dapat menyasat mengenai hal ini supaya nasib nelayan pantai itu tidak bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah berkenaan dengan landasan keretapi kita terletak betul-betul di atas lombong, iaitu samada lombong yang sedang diusahakan ataupun yang sudah tinggal. Ini terdapat di negeri-negeri Perak dan Selangor. Keadaan seperti ini adalah sangat membahayakan kerana lombong yang di sekeliling landasan itu ber-air, jadi hari demi hari air ini mengikis tanah yang menjadi lantai landasan tersebut yang mana akhirnya kelak landasan itu akan tenggalam ke dalam lombong itu. Dan kalau ini terjadi maka akan terjejaslah perkhidmatan keretapi. Oleh itu saya harap pihak keretapi hendaklah meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri berkenaan supaya janganlah dikeluarkan lesen kepada pelombong yang ingin melombong di kawasan yang berhampiran dengan landasan keretapi. Di sepanjang jalan keretapi dari utara ke selatan juga terdapat banyak tiang-tiang talipon yang tidak ada taliannya. Jadi bermakna tiang-tiang ini sudah tidak digunakan lagi. Bukankah ini merugikan? Adalah lebih baik jika dihantarkan tiang tersebut keluar bandar supaya dapat digunakan dan janganlah dibiarkan ianya berkarat.

Saya percaya bahawa tentu ramai di antara kita, ada membaca satu rencana berkenaan dengan tarian bogel yang diterbitkan oleh akhbar Mingguan Timur keluaran 13-3-77. Rencana tersebut sungguh menarik bagi sesiapa saja yang membacanya. Tetapi dalam pada menarik itu ianya adalah sesuatu yang kurang menyenangkan kerana ayat-ayat yang digunakan di dalamnya adalah terlalu nyata sehinggakan budak yang berumur 10 tahun pun boleh memahaminya. Walau bagaimanapun tujuan penulisnya adalah baik dan saya harap Kerajaan hendaklah mengambil perhatian dalam hal ini. Memanglah benar seperti yang ditulis bahawa sekarang ini penari-penari bogel ini sudah tidak lagi mengikut peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan. Perlihatkan yang mereka buat sudah keterlaluan. Saya tidaklah pernah pergi ke tempat-tempat ini tetapi saya percaya bahawa apa yang ditulis itu adalah benar berlaku. Di sinilah Kerajaan masih belum dapat mengesannya, dan adalah memang sukar untuk dikesan kerana apabila hendak buat serbuan, sebab mereka ada simpan informer. Lebih buruk lagi ialah tarian seperti ini sudah merebak ke bar dan restoran pula. Tujuan mereka membuat pertunjukan yang melanggar peraturan ini ialah untuk mencari untung berlebihan kerana tentulah ramai pelanggan akan datang. Kuala Lumpur misalnya, dahulu adalah bersih dari maksiat, tetapi nampaknya setelah ia berpisah dari Selangor, maka ia telah menjadi sebuah pusat maksiat selain dari menjadi pusat negara. Jadi saya harap Kerajaan hendaklah memperkemas lagi pentadbiran Badan Pencegah Maksiat kita supaya dapatlah dikurangkan perbuatan maksiat ini kalau pun tidak dapat dihapuskan. Lanjutan dari itu, akhbar yang sama bertarikh 16-3-77 telah menyiarkan berita bahawa Kerajaan Perak akan mengharamkan "peraduan ratu cantik". Ini adalah satu langkah yang baik dan saya harap akan mendapat sokongan dari semua pihak. Tetapi suka saya menyatakan di sini iaitu janganlah Jabatan Ugama Islam Perak saja yang berbuat demikian, Jabatan Ugama Islam di lain negeri juga hendaklah menimbangkan sama mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kawasan saya, Parit sekarang ini sudahpun diberikan taraf daerah oleh Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Sultan Perak, iaitu Daerah Perak Tengah. Tetapi perubahan yang dapat dilihat langsung tak ada. Parit tetap ujud

sepertimana asalnya. Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan untuk mencapai kejayaan 30% bagi orang Melayu dan juga menyuruh orang Melayu merebut peluang dan sebagainya, pada hemat saya tidak akan tercapai sekiranya Kerajaan terus menerus mengamalkan apa yang diamalkan sekarang ini. Dan tempoh tersebut hanya tinggal 13 tahun saja lagi, suatu tempoh yang sungguh singkat yang mana harapan untuk berjaya adalah tipis, setipis kertas tulis ini.

Di negara kita ada banyak badan-badan yang dibentuk oleh Kerajaan bertujuan untuk membantu Kerajaan di dalam usahanya hendak menolong rakyat, iaitu badan seperti PERNAS, UDA, MARA dan lain-lain. Badan inilah yang diharapkan untuk dapat menolong orang Melayu. Tapi apakah yang dapat badan ini beri kepada orang Melayu? Ada, bukan tidak ada langsung, tetapi hanyalah orang Melayu tertentu saja yang dapat nikmatnya, iaitu orang Melayu yang ada sahamnya dengan badan itu, yang menjadi kakitangan badan itu, tapi berapa keratkah orang Melayu yang ada membeli saham badan itu, orang Melayu di kampung, jauh sekali, lebih wang yang mereka ada itu dibelikan beras untuk hidup, kerana mereka pun "hidup kais pagi makan pagi". Jadi inilah yang dikatakan fahaman "individual capitalist". Kalau benar-benar hendak tolong rakyat bukanlah tak boleh, banyak caranya, iaitu seperti memberikan keuntungan badan itu kepada rakyat, buat seperti di Britain di mana Kerajaannya membayar elaun kepada rakyat yang miskin dan menganggur. Begitu-lah juga dengan perbadanan-perbadanan yang ada di tiap-tiap negeri. Saya berharap hendaklah dihapuskan amalan "individual capitalist" ini kerana kita tidak mahu itu, yang kita mahu ialah "collective capitalist" di mana beramai-ramai akan dapat merasai hikmatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang filem-filem asing yang ditayangkan di RTM. Mengapakah sehingga ini filem-filem Mesir sahaja yang dialih bahasakan ke Bahasa Malaysia, manakala filem-filem asing seperti Hindustan, Tamil, China dan Inggeris masih lagi menggunakan bahasa masing-masing sungguhpun ada sari kata dalam Bahasa Malaysia. Nyata sekali yang pihak RTM tidak gemar dengan bahasa Arab walhal banyak orang-orang Melayu yang pandai bahasa Arab. Saya mengesyorkan pihak RTM supaya berlaku adil tentang hal ini dan bertindak

supaya jangan filem asing dari Asia Barat sahaja yang dialih bahasanya. Jika perlu, semua filem-filem asing janganlah dialih bahasanya dan memadai dengan sari-katanya dalam Bahasa Malaysia sahaja.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, dan tidak kurang juga pentingnya ialah berkenaan dengan matlamat. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pernah menyatakan bahawa kita tidak ada matlamat. Kita tidak ada pegangan. Matlamat kita bercanggah. Yang ini kata begini, yang itu kata begitu. Oleh itu saya mencadangkan supaya dibentuk segera sebuah Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada bijak pandai yang ada dalam Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini supaya mencari satu matlamat supaya kelak matlamat itu akan menjadi pegangan kepada kita semua. Kerajaan juga harus sedar bahawa jika Rancangan Malaysia Ketiga ini gagal maka akan jatuhlah image dan maruah Kerajaan Barisan Nasional yang dibangga-banggakan itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Saya memaklumkan iaitu untuk memberi peluang banyak lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, maka perbahasan ini dilanjutkan sehari lagi pada hari Isnin, 28 haribulan Mac dan Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab pada hari Selasa dan hari Rabu, 29hb dan 30hb Mac ini. Ini bermakna ada satu hari lagi supaya tidak terasa keciwa Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Sila Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.55 ptg.

**Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan alhamdulillah syukur ke hadrat Allah subhanahu wataala bahawa kesihatan saya pulih semula dan pada hari ini dapat saya dalam Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan rakan-rakan saya membahas dan menyokong Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pakar perubatan Dr Joseph Ong yang telah memberi rawatan yang penuh tulus

ikhlas ke atas diri saya dan anggota-anggotanya selama lima minggu saya berada di Hospital Besar Kuala Lumpur dan saya juga sangat puas hati layanan yang telah diberikan oleh mereka. Juga saya telah mendapat beberapa pengalaman semasa berada di hospital tersebut perlulah di dalam Dewan yang mulia ini saya menyampaikan maka ucapan terima kasih saya atas tingkah laku mereka yang baik itu dan memberikan kepujian atas service yang telah mereka lakukan. Saya berpendapat di antara anggota awam Kerajaan para doktor dan kakitangannya serta pegawai-pegawai hospital adalah anggota yang benar-benar jujur, dedikasi yang menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Saya tidak faham bahawa ada juga suara-suara yang menyentuh dan memberi kata-kata yang tidak menyenangkan ke atas diri mereka kononnya tidak menjalankan tugas yang memuaskan. Ini adalah tidak benar dan sebaliknya pada pendapat saya, saya meyakinkanlah dalam Dewan ini bahawa mereka patut diberi pujian.

Tuan Yang di-Pertua, di antara Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaku wakil daripada petani-petani, dan pengundi-pengundi saya boleh dikatakan 99% adalah terdiri dari golongan petani, mereka yang bertanam padi. Saya sungguh terhutang budi dan tertarik hati serta puas hati atas satu issue yang dikemukakan oleh Baginda yang berbunyi, dan saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, membacanya :

“bahawa sektor pertanian merupakan sektor yang penting bagi menentukan pertanian diusahakan dengan lebih berkesan . . . . .”

Ayat ini sungguh memberikan senang hati. Pada fikiran saya golongan petani pada kali ini telah mendapat pandangan dan perhatian Kerajaan yang specific bagi menitikberatkan sungguh-sungguh atas masalah dan kedudukan mereka untuk diberikan perubahan hidup yang lebih berkesan sepertimana issue yang dibentangkan itu. Selanjutnya ada ditekankan diteruskan iaitu Kerajaan akan memulakan banci pertanian yang lengkap pada tahun ini pada matlamat untuk memberikan hasil yang lebih tinggi dari masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, masalah petani sangatlah rumit. Sungguhpun saya bukan seorang petani tetapi oleh kerana lebih 30 tahun berkecimpung saya boleh dikatakan dekat

sungguh dengan kehidupan mereka, dengan cara mereka bekerja, cara mereka mencari dan mengeluarkan hasil untuk untung hidup mereka pada tiap-tiap hari, maka issue ini pada pendapat saya patutlah Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Pertanian meorientasikan supaya benar-benar akan menjadikan issue ini demi kepentingan bukan sahaja untuk perkembangan atau perubahan hidup bagi petani-petani dalam negara kita ini untuk menambahkan hasil pendapatan mereka bahkan patut diorientasikan supaya negara kita bukan sahaja boleh kadar cukup makan, akan tetapi hendaklah menjadikan negara akan mencapai matlamat berdikari kepada pengeluaran hasil padi dan hingga tertutup pintu tidak lagi mengimpot beras daripada luar negeri.

Saya berkeyakinan apakala peraturan dan segala langkah-langkah dan tindakan dilakukan dengan tersusun, dengan cara yang diaturkan mengikut aturcara yang dapat memberikan kesan kepada perkembangan ini, maka saya percaya petani kita akan sedia digembelngkan kepada cara pertanian yang lebih meluas iaitu cara Commercial farming yang boleh meyakinkan dan menentukan hasil tanaman padi yang menjamin hasil cukup makanan kepada negara dan juga menjamin negara akan tidak mengimpot beras lagi pada masa akan datang. Inilah peluang bagi julung kalinya apakala telah ada issue yang telah dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka kita ambillah peluang keemasan ini diorientasikan dan dijadikan benar-benar untuk kepentingan negara pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan bagi menentukan dan membancai keadaan-keadaan, masaalah-masaalah petani untuk diperbaiki, iaitu Liaison Unit perlu ditubuhkan sebagaimana saya difahamkan bahawa Kementerian telahpun ada ura-ura dalam rancangan ini dan patut diteruskan dan diwujudkan. Kalau ada Liaison Unit ini iaitu satu badan yang dibentuk dengan mempunyai anggota-anggotanya daripada Jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan hal ehwal pertanian, dengan masalah pak tani seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Pejabat Tanah, LPN., Bank Pertanian, FAMA dan sebagainya, maka dengan itu masaalah-masaalah dapat diatasi dan diketahui dengan terus-terang dan jelas serta dapat diselenggarakan dan diselaraskan dengan begitu pesat dan mewujudkan satu kekuatan yang boleh memberikan kesan-kesan yang berguna dan

berfaedah. Keadaannya pada hari ini, pak tani tidak ada tempat untuk mereka hendak mengadu apabila timbul sesuatu perkara atau masaalah, katakanlah untuk mendapatkan bantuan kredit maka hendak mendapatkan bantuan itu maklum sahajalah keadaan mereka dalam kesempitan dan bagi mendapatkan orang untuk menjamin tentu susah, tidak siapa yang percaya, maka sudah tentulah mereka terkandas dalam bahagian itu. Begitu juga apakala hendak minta bantuan baja, kalaulah pak tani tidak kenal pegawai dan tak pernah keluar ke pekan, maka sudah barang tentu baja itu tidak sampai kepada beliau. Patutlah saya bayangkan keadaan pak tani yang menderita dalam masaalah mendapatkan asas-asas kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan pada hari ini. Tetapi saya percaya apakala ada Liaison Unit ini, maka masaalah yang dihadapi oleh mereka itu dapat diselesaikan dengan baik dan hasilnya dapatlah mewujudkan satu tenaga yang collective yang boleh memberikan kesan pengeluaran hasil padi yang baik.

Penanaman padi ini adalah bergantung kepada beberapa faktor iaitu bergantung kepada iklimnya, kepada pengelolannya, kepada jenis padi, cara masa mereka bekerja dan berbagai-bagai dan ini semua hendaklah dijalankan dengan serentak dan tidaklah boleh berasingan. Kalaulah ada satu susunan tertib cara bertanam padi maka saya percaya pengeluaran dan matlamat sepertimana issue yang diberikan, insya Allah akan dapat berjaya pada satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyentuh berkenaan dengan perkara perumahan. Di dalam bandar masaalahnya berkenaan dengan rumah batu mahal sebagai rumah murah, tetapi di luar bandar memerlukan rumah. Apa yang dikesalkan bahawa terdapat rumah-rumah murah yang dikatakan itu dibina daripada batu bagi di luar bandar. Rancangan yang begini rasa saya patutlah diubahsuai kepada keadaan pendapatan orang-orang di luar bandar bagi orang-orang di luar bandar sebagaimana yang kita semua faham dan sedia maklum, rumah batu tidak begitu diperlukan. Patut kos rumah itu mengikut kemampuan mereka dari satu masa ke satu masa. Masaalahnya kalaulah dibuatkan rumah batu pada hal pendapatan mereka tidak mampu membeli rumah batu maka masaalahnya tidak dapat diselesaikan. Maksud saya masaalah penghuni-penghuni yang benar-benar perlukan

rumah maka mereka tidak dapat rumah. Yang boleh ialah orang yang ada wang, orang yang kaya juga. Begitulah perbezaannya dengan yang digambarkan oleh saudara-saudara saya semalam dan kelmarin, bagaimana keadaan rumah murah ini disediakan untuk orang-orang yang memerlukan rumah. Saya berharaplah supaya rancangan rumah di luar bandar ini dibuat biarlah daripada kayu sahaja yang harganya berpatutan dan mampu dibeli oleh penghuni-penghuni di tempat itu.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan dadah dan belia. Pada pendapat saya masaalah dadah ini ialah masaalah perniagaan (wang ringgit). Dadah ini kita faham di antara yang telah disebutkan di dalam Dewan ini, kebanyakannya dibawa dari luar. Oleh itu, saya mencadangkan di mana sahaja pintu-pintu masuk ke dalam negara ini maka pihak Imigeresen atau Kastam atau pegawai-pegawai yang mencegah dadah ini perlu mengawasi dan mengawal lebih ketat lagi supaya dadah tidak diseludupkan ke dalam negara ini.

Saya baru balik daripada luar negeri dan saya pastikan pemeriksaan di Subang Airport tidaklah begitu ketat. Di dalam Persidangan Dewan yang sudah saya telah mencadangkan supaya pemeriksaan dijalankan dengan ketat tanpa mengira bulu dan tanpa mengira siapa sahaja keadaan orang itu, samada dia Menteri atau orang besar atau wakil rakyat atau sesiapa jua pun, asalkan mereka datang masuk ke dalam negeri ini mestilah periksa. Tetapi terjadi pada diri saya yang telah dikenali oleh pegawai Kastam dan saya cuba dibebaskan supaya tidak diperiksa. Tetapi saya sangkal dan saya tidak mahu dibebaskan lalu saya minta pegawai itu memeriksa untuk membuktikan ucapan saya di dalam Dewan ini supaya tiap-tiap seorang itu perlu diperiksa. Ini saya harap dapat perhatian oleh pegawai-pegawai yang berkenaan supaya dengan tindakan yang begini saya percaya perkara-perkara penyeludupan dapat dikawal dan dapat diatasi bahkan terus dapat dicegah.

Perkara belia, Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang dihadapi oleh mereka ialah masaalah sosial iaitu masaalah untuk mendapatkan tanah dan pekerjaan. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan apakala ada

rancangan membuka tanah dan pekerjaan-pekerjaan maka perlulah diutamakan kepada belia-belia supaya mereka ini dapat ditempatkan dan dapat diberi pekerjaan.

Akhirnya, saya menyentuh tentang agama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa agama Islam sebagai agama rasmi negara ini maka patutlah kita sudah mulakan—bukan kita hendak jadikan pentadbiran Islam di dalam negara ini, mungkin tidak ada kemungkinannya, kerana kita mempunyai rakyat berbilang bangsa—akan tetapi kenalah kita meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini supaya dapat dihormati dan dapat dijunjung tinggi oleh rakyat dalam negara ini khasnya orang Islam sendiri. Oleh itu, saya mintalah perhatian berat daripada Jabatan Perdana Menteri dalam Bahagian Agama supaya hotel-hotel janganlah dibiarkan khasnya bagi orang-orang Islam melepaskan nafsu mereka di tempat-tempat itu kerana syarat lesen yang dibenarkan dengan tujuan iaitu untuk menginap sahaja. Begitu juga bar-bar tidak sepatutnya orang Islam duduk minum macam kedai kopi dan berulang-alik, mabuk dan sebagainya, begitu jugalah tempat-tempat judi dan sebagainya patut dibentasi dan semuanya perlu dimasukkan usaha perkara dakwah yang dijalankan. Dakwah perlu dijalankan bukan sahaja dengan cara memberikan ceramah dan ucapan, maka elok juga kalau boleh bertindak dengan tindakan yang memberikan kesan supaya dapat mendatangkan unsur-unsur kepada kehormatan agama Islam sebagai agama rasmi dalam negara kita ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya junjung kasih menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

6.15 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di-Raja merasmikan Parlimen pada hari Isnin yang lalu Kerajaan telah sekali lagi memberi satu gambaran yang harum mengenai kejayaannya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn.

Tuan Yang di-Pertua, memberi gambaran yang cantik lagi indah memang menjadi kebiasaan Kerajaan tetapi yang menjadi persoalan ialah samada kejayaan yang dilau-laungkan itu telah meresapi semua

lapisan masyarakat dan sebenar-benarnya memberi faedah kepada rakyat jelata terutama sekali mereka yang tidak berada dari semua kaum.

Bila dikaji keadaan hal ehwal negara sekarang ini pada keseluruhannya terutama dalam masa Malaysia sedang dalam ambang 20 tahun mencapai kemerdekaan, saya sungguh-sungguh berpendapat bahawa masalah asas membina negara bersatupadu masih belum diselesaikan. Kita masih lagi belum bersatu dan berpadu. Kita masih lagi belum selesaikan banyak masalah-masalah politik, ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh rakyat Malaysia berbilang kaum. Kita juga belum mendapat atau mencapai penyelesaian kekal terhadap masalah membina sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatupadu berdasarkan kepada prinsip-prinsip keadilan dan perseimbangan politik, sosial dan ekonomi. Kerajaan memang sengaja dan selalu mendakwa bahawa Malaysia ialah sebuah negara maju dan mewah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dan kemewahan ini hanya dinikmati oleh segelintir orang istimewa sahaja dan orang yang kaya dan mewah sedangkan kebanyakan rakyat Malaysia yang miskin masih terus menderita. Meskipun kita menjejaki tahun kedua puluh mencapai kemerdekaan apa yang kita lihat sekarang ialah rakyat Malaysia berbilang kaum yang saya ada katakan, tadi belum bersatu-padu dan apa yang lebih mustahak ialah jurang perbezaan di antara yang berada dengan yang tidak berada semakin meluas.

Tuan Yang di-Pertua, pelarasaki kaum masih menjadi-jadi dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan semakin tipis. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan setakat ini belum lagi berjaya menarik pandangan rakyat untuk menaruh kepercayaan dan keyakinan kepada Kerajaan dan berbagai dasarnya. Sebab-sebab mengapa masalah ini menjadi bertambah buruk memang agak nyata dan terang. Semuanya berasaskan kepada perkara pokok iaitu rakyat semakin tidak puashati dan curiga terhadap dasar-dasar Kerajaan dan sikap dingin serta keengganan Kerajaan untuk menimbang dan mengambil berat tentang hasrat rakyat dan penderitaan orang miskin. Kerajaan juga telah gagal menyelesaikan ketidakpuasan hati mereka. Oleh kerana inilah, Tuan Yang di-Pertua, maka Kerajaan terpaksa menanggung sebahagian daripada tanggungjawab keselamatan dan ancaman yang semakin serius yang dihadapi oleh kita.

Saya tidak dapat menafikan di sini bahawa pada masa ini negara sedang menghadapi ancaman keselamatan yang serius. Tetapi apakah yang perlu bagi kita ialah untuk mencari apa jalan yang sesuai, apa jalan yang sewajarnya untuk menghadapi dan juga untuk mengatasi masalah ini.

Pada pendapat saya jawapan atau penyelesaian terhadap masalah ancaman keselamatan ini dapat dicapai dan ini ialah melalui cara untuk mengatasi kemiskinan dan menghapuskan barang ketidakadilan serta tidak perseimbangan dalam seluruh sistem ekonomi negara ini dan memberi kesan bererti kepada proses demokrasi kita ini.

Parti saya, parti D.A.P. percaya bahawa rakyat Malaysia lebih gemar hidup dalam sistem demokrasi di mana tidak terdapat jurang perbezaan meluas dan melampau di antara yang kaya dengan yang melarat dan miskin dan di mana setiap individu boleh memajukan bakat dan kecenderungannya dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, mereka akan mempertarungkan nyawa mereka untuk membina sistem demokrasi seperti ini. Tetapi bila sistem demokrasi ada dalam keadaan kepincangan di mana terdapat diskriminasi, ketidakadilan, perbezaan yang meluas dalam semua bidang kehidupan masyarakat kita, saya rasa adalah susah dan payah bagi kita untuk mendapatkan sokongan dan bantuan rakyat untuk menolong mempertahankan dan memberi segala jiwa raga mereka untuk menyuburkan sistem demokrasi seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Rancangan Malaysia Ketiga. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga kini memasuki tahun kedua perlaksanaannya. Rancangan ini memanglah satu rancangan raksaksa yang menaikkan hasrat rakyat. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini dalam bulan Julai lalu semasa kita membahaskan rancangan itu apa yang rakyat lebih beratkan dan utamakan bukanlah ideal-ideal yang begitu melambung atau

objektif raksaksa dalam rancangan itu tetapi samada tujuan dan objektif dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat diterjemahkan menjadi satu tindakan positif untuk mengujudkan taraf hidup rakyat yang lebih baik dan sempurna. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang merupakan satu ujian yang penting kepada Kerajaan. Rancangan Malaysia Ketiga akan hanya menjadi dokumen yang berkesan dan bererti sekiranya Kerajaan dapat menentukan bahawa ianya akan membawa taraf hidup yang lebih lagi kepada rakyat semua kaum. Sedang kita dalam ambang tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, seharusnya kita patutlah mengkaji apakah langkah-langkah perlu yang telah kita ambil untuk memastikan kejayaan sepenuhnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga tersebut. Dan masa ini eloklah juga mengkaji kemajuan yang telah kita mencapainya di tahun yang lalu, mengkaji kelemahan dan memperbetulkan keadaan supaya kita dapat bergerak ke arah usaha pelaksanaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin semua ini adalah perlu bagi kita mengadakan satu jentera pengesanan (monitoring mechanism) yang berkesan untuk mengesan semua kemajuan di semua peringkat pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di-Raja Kerajaan telah menyatakan rancangan melancarkan bancian pertanian yang comprehensive tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu bancian pertanian yang dikemaskinikan adalah sangat perlu dan sepatutnya dijalankan lama dulu. Satu bancian pertanian yang ada sekarang yang sedang digunakan oleh negara kita ialah satu bancian yang dijalankan dalam tahun 1960. Oleh kerana kita tidak ada bancian pertanian yang dikemaskinikan maka Kerajaan tidak dapat membuat rancangan mengenai program-program pertanian secara lebih productif demi kepentingan negara kita ini. Salah satu masalah terbesar yang dihadapi oleh negara ini sekarang dari segi

sektor pertanian ialah memecahkan tanah-tanah yang boleh diusahakan menjadi kawasan tanah yang kecil yang tidak ekonomik. Umpamanya, 70% tanah sawah di Malaysia Barat merupakan kawasan yang tidak ekonomik kerana hanya di dalam lingkungan 5 ekar sahaja. Sekiranya kita mengkaji semula bancian pertanian tahun 1960 kita akan dapati bahawa 18% tanah yang boleh dikerjakan di Malaysia Barat ialah di antara 1 hingga  $1\frac{3}{4}$  ekar, 17% antara  $2-2\frac{3}{4}$  ekar, 16% antara  $5-7\frac{3}{4}$  ekar dan 17% antara  $3-3\frac{3}{4}$  ekar.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini menunjukkan kenyataan sebenarnya bahawa kemiskinan di luar bandar adalah berpunca kebanyakannya kerana perpecahan tanah-tanah yang boleh diusahakan menjadi yunit-yunit kecil yang tidak ekonomik. Masaalah

dahagikan tanah adalah berpunca daripada dasar dan kelemahan pentadbiran Kerajaan dan bukan kerana kekurangan tanah yang boleh diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mendapatkan tanah oleh beribu-ribu rakyat yang tidak bertanah di seluruh negara selalunya tidak diindahkan dan diabaikan begitu sahaja.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 28-3-77.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*